

# LAPORAN TAHUNAN 2015

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

# PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

## VISI

Menggembelingkan Francaisor, Francaisi dan Institusi Sokongan dalam satu semangat kekeluargaan, bagi memupuk imej yang cemerlang untuk perniagaan Francais.

## MISI

Menjadi pendokong dan penggerak utama mewakili masyarakat Francais ke arah merealisasikan hasrat Malaysia untuk menjadi Pusat Serantau Pembangunan Francais.

## OBJEKTIF

1. Menyatukan tenaga ahli-ahli untuk menjaga kepentingan mereka.
2. Memupuk dan mempertahankan imej perniagaan francais dengan menggalakkan amalan perniagaan secara beretika
3. Mendokong usaha kerajaan untuk menggalakkan penyertaan Bumiputra secara langsung dan aktif dalam perniagaan francais.
4. Untuk menyelaras kemudahan dan infrastruktur yang tersedia bagi pembangunan Francais di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

## PERANAN MFA



## SEJARAH PENUBUHAN

Francais adalah satu sistem perniagaan yang semakin popular pada masa kini. Sejak diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1940-an, perniagaan francais telah berkembang dengan pesat. Faktor utama yang merangsang pertumbuhan pesat ini adalah disebabkan ciri-cirinya yang inovatif dan pragmatik. Risiko menyertai perniagaan francais ini pula secara relatifnya lebih rendah berbanding percubaan memulakan satu perniagaan secara bersendirian yang belum terbukti kemampuannya untuk berjaya. Sebaliknya melalui sistem francais, usahawan pada dasarnya berpeluang memperdagangkan sesuatu produk atau perkhidmatan secara lebih sistematik, menggunakan jenama popular dan kaedah pengurusan yang terbukti kejayaannya.

Oleh kerana potensinya yang cukup baik, kerajaan telah membuat keputusan menggunakan sistem francais sebagai salah satu strategi ke arah membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang merupakan agenda penting dalam Misi Nasional (2006-2020) untuk menjadikan bumiputera kaum yang berdaya saing di pasaran global.

Semasa membentangkan Pelan Tindakan Program Pembangunan Francais pada 4 Ogos 1992, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah memutuskan satu strategi jangka panjang untuk merealisasikan program tersebut termasuk usaha menubuhkan Persatuan Francais Malaysia bagi tujuan menggalakkan pihak-pihak yang terlibat dengan sistem perniagaan francais bagi mengawalselia industri ini secara dalaman (self regulatory).

Kemudian pada 13 Oktober 1993, seramai 44 orang yang mewakili francaisor, francais induk, francais dan institusi sokongan telah berkumpul di Seri Bayu Beach Resort, Pulau Pangkor. Hasil pertemuan ini, satu keputusan sebulat suara telah dicapai untuk menubuhkan Persatuan Francais Malaysia. Lantaran itu, satu Jawatankuasa Penaja telah dibentuk dan diberi mandat untuk menyediakan draf Undang-Undang Tubuh Persatuan dan menguruskan pendaftaran persatuan.

Draf ini kemudiannya dibentangkan dan diterima dalam satu Mesyuarat Khas Jawatankuasa Penaja yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur pada 13 Januari 1994. Pihak Pendaftaran Pertubuhan Malaysia telah memberikan kelulusan dan kebenaran untuk operasi sementara kepada Persatuan Francais Malaysia atau dalam bahasa Inggeris dikenali *Malaysian Franchise Association* (MFA) mulai 18 Januari 1994.

Pelancaran rasmi penubuhan MFA telah disempurnakan pada 27 Januari 1994, serentak dengan pelancaran Program Pembangunan Francais (PPF) dan Persidangan dan Pameran Francais Antarabangsa Malaysia yang pertama anjuran bersama Unit Penyelarasan dan Perlaksanaan (Jabatan Perdana Menteri), MFA dan International Franchise Association (IFA). Sementara kelulusan rasmi MFA di bawah Akta Pertubuhan 1966 telah diperoleh pada 30 Ogos 1994.

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-20

<b>Tarikh</b>	: 23 Jun 2015 (Selasa)	
<b>Masa</b>	: 4.30 petang – 6.30 petang	
<b>Tempat</b>	: Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur	
<b>Kehadiran</b>	: YBhg. Datuk Mohd Latip Sarrugi YBhg. Dato' Sri Dr. Richard Ong Thiam Boon En. Izham Hakimi Hamdi En. Mohamad Shukri Salleh YBhg. Dato Zahriah Abd Kadir En. Fauzi Awang En. Rozaiman Che Kar YBhg. Dato' Dr Manjit Singh Sachdev YBhg. Dato' Abdullah A.Rasol YBhg. Datuk Radzali Hassan YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd. Hizam Hanafiah En. Khairuddin Yahya En. Wan Arjuna Wan Halim	<i>Pengerusi</i> <i>Naib Pengerusi</i> <i>Naib Pengerusi</i> <i>Setiausaha Agung</i> <i>Penolong Setiausaha</i> <i>Penolong Setiausaha</i> <i>Bendahari Agung</i> <i>Ahli Jawatankuasa Utama</i> <i>Ahli Jawatankuasa Utama</i> <i>Ahli Jawatankuasa Utama</i> <i>Ahli Jawatankuasa Utama</i> <i>Ahli Jawatankuasa Utama</i> <i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>

56 perwakilan Ahli Biasa, 13 perwakilan Ahli Bersekutu, 30 pemerhati. (Sila rujuk lampiran)

<b>Tidak Hadir dengan notis</b>	: En. Shamsul Zariman Saifuzzaman En. Sam Siew Pak Kheong	<i>Penolong Bendahari</i> <i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>
---------------------------------	--	---

**Pengerusi** : YBhg. Datuk Mohd Latip Sarrugi

## 1. UCAPAN ALU-ALUAN PENERUSI

- 1.1 YBhg Datuk Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan MFA kali ke – 20.
- 1.2 En. Mohamad Shukri Salleh selaku Setiausaha Agung memaklumkan bahawa korum mesyuarat adalah mencukupi berdasarkan Fasal 8 (1) Undang-undang Tubuh Persatuan bagi melaksanakan Mesyuarat Agung.

## 2. MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE – 19

YBhg. Datuk Mohd Latip Sarrugi selaku Pengerusi mesyuarat telah meminta Ahli yang hadir untuk mencadang dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-19.

En. Nurhasril Noordin dari Murni Allianze Consult Sdn Bhd mencadangkan agar Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-19 diterima dan disokong oleh Mr. Neo Eng Kee dari Manjit Singh Sachdev, Mohamad Radzi & Partners.

## 3. MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN KEMAJUAN TAHUNAN 2014

En Mohamad Shukri Salleh selaku Setiausaha Agung Persatuan telah membentangkan Laporan Kemajuan MFA bagi tahun 2014 dan antara perkara yang dinyatakan adalah seperti berikut:

- 3.1 Mesyuarat dimaklumkan Mesyuarat Agung tahun 2014 telah diadakan pada 24 Jun 2014 di PWTC, Kuala Lumpur.
- 3.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa JKK Pendaftaran & Etika melaporkan status keahlian pada 31 Disember 2014 terdapat 307 ahli aktif. Selain itu, MFA juga turut melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti kunjungan kepada 41 Ahli dan 12 Potensi Ahli, melaksanakan 3 program Teh Tarik, Promosi ahli di Media, Buletin, dan Laman sesawang. Selain itu telah menerbitkan Direktori Ahli MFA sebagai salah satu cara mempromosikan ahli.
- 3.3 Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat 6 misi perdagangan telah dilaksanakan secara kerjasama dengan pihak KPDNKK dan MATRADE sepanjang 2014 iaitu Misi Perdagangan ke Sydney, Vietnam, Jakarta, Filipina dan Singapura.

## MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-20

- 3.4 Mesyuarat dimaklumkan bahawa JKK Promosi & Perhubungan Awam telah mengambil inisiatif untuk menjalin hubungan baik dengan pihak media. Selain itu, JKK PPR telah menjalinkan kerjasama dengan pihak media melalui sesi temu bual, iklan dan liputan acara.
- 3.5 Mesyuarat dimaklumkan bahawa JKK Penyelidikan & Pendidikan telah menganjurkan Seminar GST bagi Industri Francais sebagai persediaan kepada ahli sebelum GST dilaksanakan.
- 3.6 Mesyuarat dimaklumkan bahawa MFA bekerjasama dengan KPDNKK dan EPU untuk melaksanakan Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport. Pelaksanaan program ini dijangkakan pada sukuan ketiga tahun 2015.
- 3.7 Mesyuarat dimaklumkan sepanjang tahun 2014, 3 acara telah dilaksanakan dengan jayanya iaitu Program Franchise International Malaysia, Malam Anugerah Francais dan Franchise Golf Challenge.

Sehubungan itu, Mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk menerima Laporan Kemajuan Tahunan 2014 tersebut.

### 4. MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

En Rozaiman Che Kar selaku Bendahari Agung telah membentangkan Laporan Kewangan Teraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 dan antara perkara yang dinyatakan adalah seperti berikut:

- 4.1 Mesyuarat dimaklumkan secara keseluruhannya, sumber kewangan MFA banyak dipengaruhi oleh pelaksanaan aktiviti sama ada dilaksanakan dengan pembiayaan sepenuhnya oleh MFA atau terdapat perolehan yang diterima daripada pihak Kementerian iaitu program yang dianjurkan secara kerjasama. Oleh itu jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan pada setiap tahun mempunyai perbezaan ketara dan tidak dapat dijangkakan. Tahun kewangan 2014 mencatatkan rekod lebih pendapatan lebih kurang sama dengan tahun 2013 di mana tahun 2014 adalah sebanyak RM33 ribu berbanding RM35 ribu pada tahun 2013.
- 4.2 Mesyuarat juga dimaklumkan pendapatan meningkat sebanyak 1% kepada RM4.050 juta daripada RM4.008 juta pada 2013. Peningkatan ketara adalah daripada program kerjasama yang dilaksanakan dengan Kementerian dimana mencatatkan jumlah keseluruhannya sebanyak RM1.82 juta berbanding RM1.41 juta pada tahun lepas.
- 4.3 Mesyuarat dimaklumkan juga bahawa walaupun langkah-langkah penjimatan dan kos efektif telah dilaksanakan pada 2014 namun jumlah perbelanjaan juga mencatatkan peningkatan sebanyak 1%. Terutamanya kos sumber manusia dan kos untuk peningkatan kualiti, penjenamaan dan perkhidmatan MFA. Selain itu, sebanyak RM181 ribu telah diperuntukkan bagi hutang lapuk keahlian dan program pada tahun 2014 berbanding RM156 ribu pada tahun sebelumnya.
- 4.4 Nilai Aset bersih mencatatkan peningkatan sebanyak 2% kepada RM1.61 juta daripada RM1.58 juta pada tahun 2013 kesan daripada penambahbaikan dasar pengurusan akaun belum terima dan pembayaran pemiutang.

YBhg Dato' Manjit Singh Sachdev dari Manjit Singh Sachdev, Mohamad Radzi & Partners mencadangkan agar Laporan Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 diterima dan telah disokong oleh En. Nurhasril Noordin dari Murni Alliance Consult Sdn Bhd.

### 5. MEMILIH JAWATANKUASA UTAMA SESI 2015/2017

- 5.1 En. Mohd Faizal Abd Latip, wakil sekretariat mengumumkan pemilihan Jawatankuasa Utama MFA sesi 2015/2017 bagi jawatan yang dipertandingkan.
- 5.2 Berdasarkan pencalonan yang telah diterima, hanya satu jawatan yang dipertandingkan iaitu jawatan Ahli Jawatankuasa Biasa.
- 5.3 Bagi Jawatan Ahli Jawatankuasa Biasa, sekretariat telah menerima tiga belas (13) calon yang bertanding bagi mengisi 7 kekosongan jawatan ini. Hanya Sembilan (9) calon yang layak untuk bertanding dan keputusan undian adalah seperti butiran berikut:

## MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-20

BIL	NAMA	JUMLAH UNDIAN
1.	Khairuddin Yahya (AVON Cosmetic (M) Sdn Bhd)	51
2.	Datuk Radzali Hassan (Harta Maintenance Sdn Bhd)	47
3.	Wan Arjunawan Wan Halim (Arjuna Village Sdn Bhd)	47
4.	Nurhasril Noordin (Murni Alliance Consult Sdn Bhd)	46
5.	Christoper Tay Leng Kee (Bangi Coffee Shop International Sdn Bhd)	43
6.	Dato' Dr Manjit Singh Sachdev (Manjit Singh Sachdev, Mohamad Radzi & Partners)	36
7.	Zamani Zakaria (Qubah Emas Resources Sdn Bhd)	36
8.	Amran Shah (Myhomme Group Resources (M) Sdn Bhd)	35
9.	YBhg. Dato' Mohd Radzi Abdul Latif (IPTB Sdn Bhd)	28

Sehubungan itu, pemenang bagi jawatan ini adalah seperti berikut:

- Dato' Dr Manjit Singh Sachdev
- Datuk Radzali Hassan
- Christoper Tay Leng Kee
- Khairuddin Yahya
- Nurhasril Noordin
- Wan Arjunawan Wan Halim
- Zamani Zakaria

5.4 Bagi Jawatan Pengerusi, terdapat satu (1) calon bagi mengisi 1 kekosongan jawatan tersebut iaitu YBhg Datuk Mohd Latip Sarrugi dari Mohd Latip Associates. YBhg Datuk Mohd Latip Sarrugi telah menang tanpa bertanding.

5.5 Bagi Jawatan Naib Pengerusi, terdapat dua (2) calon bagi mengisi 2 kekosongan jawatan tersebut iaitu Dr. Richard Ong Thiam Boon dari Smart Reader Worldwide Sdn Bhd serta En Izham Hakimi Hamdi dari Naza Tutti Frutti (M) Sdn Bhd. Kedua – dua calon tersebut telah menang tanpa bertanding.

5.6 Bagi Jawatan Setiausaha Agung, terdapat satu (1) pencalonan bagi mengisi satu (1) kekosongan jawatan iaitu En Mohamad Shukri Salleh dari Franchise Channel Sdn Bhd. En Mohamad Shukri Salleh telah menang tanpa bertanding.

5.7 Bagi Jawatan Penolong Setiausaha Agung, terdapat dua (2) pencalonan bagi mengisi 2 kekosongan jawatan tersebut iaitu En Fauzi Awang dari Wonderful Lifestyle Sdn Bhd dan YBhg Dato' Zahriah Abdul Kadir dari Zariah Afiq Resort Sdn Bhd. Kedua – dua calon tersebut telah menang tanpa bertanding.

5.8 Bagi Jawatan Bendahari dan Penolong Bendahari, terdapat satu (1) pencalonan bagi mengisi satu (1) kekosongan bagi setiap jawatan iaitu En Rozaiman Che Kar dari Ria-Two Sdn Bhd dan YBhg. Dr. Mokhrainim Mokhtar dari Rakyat Management Services Sdn Bhd. Kedua-dua calon telah menang tanpa bertanding.

5.9 Berikut merupakan senarai penuh Ahli Jawatankuasa Utama Persatuan bagi sesi 2015/2017:

Pengerusi	:	YBhg Datuk Mohd Latip Sarrugi
Naib Pengerusi	:	Dr. Richard Ong Thiam Boon
	:	En. Izham Hakimi Hamdi
Setiausaha Agung	:	En Mohamad Shukri Salleh
Penolong Setiausaha	:	En Fauzi Awang
	:	YBhg Dato' Zahriah Abdul Kadir
Bendahari Agung	:	En Rozaiman Che Kar
Penolong Bendahari	:	YBrs. Dr. Mokhrainim Mokhtar
Ahli Jawatankuasa	:	YBhg Dato' Dr Manjit Singh Sachdev
		YBhg Datuk Radzali Hassan
		En Christoper Tay Leng Kee
		En Khairuddin Yahya
		En Nurhasril Noordin
		En Wan Arjunawan Wan Halim
		En Zamani Zakaria

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-20

## 6. MEMBINCANGKAN DAN MEMBENTANGKAN USUL-USUL

- 6.1 Mesyuarat bersetuju dengan usul Ahli Jawatankuasa Utama agar MFA menubuhkan syarikat Sdn Bhd atau Koperasi bagi mempelbagaikan aktiviti dan menjana sumber kewangan MFA.

## 7. HAL-HAL LAIN

- 7.1 En. Amran Shah Idris dari Myhomme Group Resources (M) Sdn Bhd mencadangkan agar mengadakan satu sesi Jelajah Francais di seluruh negara dan setuju untuk menjadi penganjur dengan sokongan MFA.

YBhg Datuk Mohd Latip Sarrugi telah memaklumkan bahawa MFA telah terlibat dengan pelbagai siri Jelajah Francais yang dianjurkan oleh pelbagai organisasi. MFA juga bekerjasama dengan KPDNKK menganjurkan program jelajah francais sejak tahun 2009 lagi. Walau bagaimanapun, Myhomme Group Resources (M) Sdn Bhd digalakkan untuk mengemukakan cadangan lanjut kepada pihak sekretariat untuk perbincangan lanjut.

- 7.2 En. Low Chee Foo dari Daily Fresh Foods Sdn Bhd mencadangkan penambahbaikan dari segi pengiklanan program francais perlu lebih meluas dan menarik. Berdasarkan maklum balas program pada tahun lepas, didapati jumlah pengunjung dan bilangan Francaisor semakin berkurangan.

YBhg Datuk Mohd Latip Sarrugi telah memaklumkan bahawa MFA sentiasa terbuka menerima pandangan daripada semua pihak untuk penambahbaikan aktiviti anjuran MFA. Pandangan ini telah di ambil maklum untuk penganjuran FIM pada tahun akan datang. Untuk makluman, FIM2015 telah mencatatkan peningkatan 5% jumlah pengunjung daripada 10,393 kepada 10,976 orang. Liputan media telah dilaksanakan dengan sebaik-baiknya berdasarkan kepada bajet yang terhad.

## 8. UCAPAN PENANGGUHAN

- 8.1 YBhg Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran dan komitmen yang diberikan oleh para ahli yang hadir. Terima kasih juga di atas pandangan dan cadangan yang diberikan untuk menambahbaik MFA pada masa hadapan. YBhg Datuk Pengerusi berharap agar semua ahli MFA dapat memberikan sokongan kepada MFA.

- 8.2 YBhg Dato' Sri Richard Ong berterima kasih kepada semua para ahli dan menyatakan bahawa Ahli Jawatankuasa Utama akan sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para ahli. MFA memerlukan sokongan padu daripada para ahli untuk menggerakkan aktiviti dan memajukan MFA. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa Ahli JKU akan sedaya upaya mencapai hasrat pembelian wisma MFA berdasarkan kepada alternatif terbaik pada masa hadapan.

- 8.3 YBhg Datuk Pengerusi telah menanguhkan Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-20 pada jam 6.30 petang dan sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan yang diberikan oleh semua yang hadir.

Minit disediakan oleh:

.....  
(FATIN NUR' ATIKAH ABD LATIP)

.....  
(ZURAIIDA JOMRI)

Tarikh: 30 Julai 2015

Disahkan benar oleh:

.....  
(DATUK MOHD LATIP SARRUGI)  
Pengerusi

.....  
(MOHAMAD SHUKRI SALLEH)  
Setiasaha Agung

Tarikh:



# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-20

## LAMPIRAN 1

### SENARAI KEHADIRAN

#### AHLI BIASA - FRANCAISOR

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Arjuna Village Sdn Bhd	En. Wan Arjunawan Wan Halim	OFO-0513-06-F&B
2	Assam House Restaurant (1991) Sdn Bhd	En. Loh Kok Oon	OFO-0114-01-F&B
3	Bangi Coffee Shop International Sdn Bhd	En. Ooi Kim Chong	OFO-0510-29-F&B
4	Bolton Optical Sdn Bhd	YBhg. Dr. Sim Eng Peng	OFO-2511-03-RET
5	Coffee-O-Corner Sdn Bhd	YBhg. Dato' Mohamad Kepli Ahmad	OFO-0612-04-F&B
6	Daily Fresh Foods Sdn Bhd	En. Low Chee Foo	OFO-0605-08-F&B
7	Dot To Dot Digital Image Sdn Bhd	En. Ooi Kim Chong	OFO-1112-09-SVC
8	Eastern Biotech Resources Sdn Bhd	Pn Delaila Aziz	OFO-0910-05-BH
9	Focus Point Management Sdn Bhd	Cik Amberlyn Liew	OFO-0702-03-RET
10	Fokus Seraya Sdn Bhd	En. Haslifirdaus Rosli	OFO-1103-01-F&B
11	Gaharu Technologies Sdn Bhd	Coach Nurhasril B. Noordin	OFO-1113-02-RET
12	Gintell (M) Sdn Bhd	Cik May Wong Mei Yoong	OFO-0615-03-B&H
13	GK Sport & Recreation Sdn Bhd	Cik Jagatheeswaran Velocitty	OFO-0911-05-EDU
14	H.O.L Chain Store Malaysia Sdn Bhd	Pn. Wan Nor Ashkiah	OFO-0415-02-RET
15	Harta Maintenance Sdn Bhd	YBhg. Datuk Radzali Hassan	OFO-0313-01-SVC
16	Ideal Malaysian Support Sdn Bhd	En. Sean Lum Sai On	OFO-0400-01-TRV
17	IPTB Sdn Bhd	YBhg. Dato' Mohd Radzi Abdul Latif	OFO-O912-04-RET
18	Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd	En. Darshan Naidu	OFO-0110-01-F&B
19	Leno (M) Sdn Bhd	En. Stanley Neng	OFO-0506-01-BH
20	Little Cash (M) Sdn Bhd	En. Andri Nasrun	OFO-0908-01-F&B
21	Marrybrown Sdn Bhd	YBhg. Dato' Joshua Liew	OFO-0795-04-F&B
22	Menara Optometry Centre Sdn Bhd	En. Mohd Azlan Aziz	OFO-0311-02-RET
23	Metrobus Nationwide Sdn Bhd	En. Iwan Fazlee Ahmad Fadzil	OFO-0711-03-OTH
24	Myhomme Group Resources (M) Sdn Bhd	Pn. Mashetah Jamil	OFO-0513-05-SVC
25	Myride Holdings Sdn Bhd	En. Raymond Chou	OFO-0411-01-SVC
26	Nelson's Franchise (M) Sdn Bhd	YBhg. Datuk Seri Nelson Kwok Teng Toong	OFO-0797-02-F&B
27	Qubah Emas Resources Sdn Bhd	En. Zamani Zakaria	OFO-0414-03-SVC
28	Rakyat Management Services Sdn Bhd	YBrs. Dr. Mokhraznim Mokhtar	OFO-1007-02-SVC
29	Resepi Arena Sdn Bhd	En. Muhammad Hakim Hamdan	OFO-615-02-F&B
30	Ria-Two Sdn Bhd	En. Rozaiman Che Kar	OFO-0607-05-OTH
31	Smart Reader Worldwide Sdn Bhd	YBhg. Dato' Sri Dr. Ong Thiam Boon	OFO-1000-04-EDU

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-20

## LAMPIRAN 1

### SENARAI KEHADIRAN

#### AHLI BIASA - FRANCAISOR

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
32	Strata Pro Sdn Bhd	En. Semi Tahil	OFO-0415-03-SVC
33	Sunrider International (Malaysia) Sdn Bhd	En. Goh Lin Kin	OFO-0910-02-BH
34	Yapeim Smart Venture Sdn Bhd	YBhg Tg. Idzmul Adzim Tg. Alang	OFO-0312-09-SVC

#### AHLI BIASA - FRANCAISI INDUK

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	7 Eleven (M) Sdn Bhd	En. Hor Kar Shan	OMF-0609-07-RET
2	Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd	En. Khairuddin Yahya	OMF-0797-04-BH
3	Math Business Sdn Bhd	YBhg. Dato' Tang See Hang	OMF-0615-01-EDU
4	Naza Tutti Frutti (M) Sdn Bhd	En. Izham Hakimi Hamdi	OMF-0911-01-F&B
5	Wonderful Lifestyle Sdn Bhd	En. Fauzi Awang	OMF-0608-11-F&B

#### AHLI BIASA - FRANCAISI

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Diiz Universe Sdn Bhd	En. Zulfadli Zainal Abidin	OFE-1113-05-F&B
2	Mosa Global Sdn Bhd	En. Mohd. Saiful Anuar Mahamad Arif	OFE-1113-04-F&B
3	Syarikat Rahman brothers Saga Sdn Bhd	Pn Rabiatul Adawiyah Dato' Hj Abdul Rahman	OFE-0498-15-SVC
4	Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd	YBhg. Dato' Zahriah Abd Kadir	OFE-0512-02-TRV

#### AHLI BIASA - INSTITUSI SOKONGAN

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Franchise Channel (M) Sdn Bhd	En. Mohamad Shukri Salleh	OSI-1204-04-CF
2	Intellect Franchising Sdn Bhd	En. Ray Low Say Siong	OSI-0213-03-CON
3	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)	En. Zainal Azman Abu Seman	OSI-0706-01-GOV
4	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)	En. Ismainur Hadi Amat Bakeron	OSI-0706-01-GOV
5	Kemenenterian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)	Pn. Johanna Zainal Abidin	OSI-0706-01-GOV
6	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)	En. Afkhar Razi Ariffin	OSI-0706-01-GOV
7	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)	En. Mojtahidin	OSI-0706-01-GOV
8	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)	Pn. Noor Diyanti	OSI-0706-01-GOV

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-20

## LAMPIRAN 1

### SENARAI KEHADIRAN

#### AHLI BIASA - INSTITUSI SOKONGAN

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
9	Malayan Banking Berhad	En. Amiruddin	OSI-0706-01-GOV
10	Manjit Singh Sachdev, Mohamad Radzi & Partners	YBhg. Dato Dr Manjit Singh Sachdev	OSI-0498-08-LEG
11	Messrs Wong Jin Nee & Teo	Cik Wong Jin Nee	OSI-0305-05-LEG
12	Mohd. Latip & Associates	YBhg. Datuk Mohd Latip Sarrugi	OSI-0795-18-LEG
13	Murni Allianze Consult Sdn Bhd	Coach Nurhasril Noordin	OSI-0605-09-CON

#### AHLI BERSEKUTU - BAKAL FRANCAISOR

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Adriel Optometry Consultants Sdn Bhd	YBrs. Dr. Soh Meng Poey	AFO-0215-5-SVC
2	Apac Star Food Systems Sdn Bhd	Cik Siti Zulaikha Mohd Zahid	AFO-0215-03-F&B
3	Baker's Boy Marketing Sdn Bhd	En. Kau Jia Jie	AFO-0415-04-F&B
4	Mohd Yaseem Nasi Kandar (MYNK) Sdn Bhd	En. Mohd Jalaludeen	AFO-1214-03-F&B
5	Multiple Reward Sdn Bhd	En. Vincent Teng	AFO-0514-01-F&B
6	Peladang Edar Sdn Bhd	En. Mohamad Bin Hamsan	AFO-0615-05-F&B
7	Sinar Bekal (M) Sdn Bhd	En. Manirajan A/L Ramachandran	AFO-0215-04-SVC
8	Syarikat Abdul Ghaffar Trading Sdn Bhd	En. D Mahadevan	AFO-0414-01-RET
9	Sydney Cake House House Sdn Bhd	Pn. Carmen Lim	AFO-0814-01-F&B

#### AHLI BERSEKUTU - BAKAL FRANCAISI INDUK

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	All to Fitness Sdn Bhd	YBrs. Dr. Ali Roodgar	AMF-0415-07-SVC

#### BAKAL FRANCAISI

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Great Vision Development Sdn Bhd	En. James Tan Boon Pock	AFE-0512-10

#### AHLI BERSEKUTU - INSTITUSI SOKONGAN

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Exitra Solutions Sdn Bhd	Cik Stephanie Niew	ASI-0215-06-SVC
2	Tay & Partners	Cik Lim Bee Yi	ASI-1206-02-LEG

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-20

## LAMPIRAN 1

### SENARAI KEHADIRAN

PEMERHATI			
BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Adriel Optometry Consultants Sdn Bhd	En. Mohd Kifli	AFO-0215-5-SVC
2	Baker's Boy Marketing Sdn Bhd	En. Tang Han Yee	AFO-0415-04-F&B
3	Mohd Yaseem Nasi Kandar (MYNK) Sdn Bhd	En. Mohd Azlan Mohd Jalaludeen	AFO-1214-03-F&B
4	All to Fitness Sdn Bhd	Cik Nooshin	AMF-0415-07-SVC
5	All to Fitness Sdn Bhd	En. Aydin	AMF-0415-07-SVC
6	All to Fitness Sdn Bhd	En. Jamal	AMF-0415-07-SVC
7	All to Fitness Sdn Bhd	Cik Haniz Osman	AMF-0415-07-SVC
8	Syarikat Rahman Brothers Saga Sdn Bhd	En. Mohd Ezuan	OFE-0498-15-SVC
9	Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd	En. Rajveen Kaur	OFO-0110-01-F&B
10	Assam House Restaurant (1991) Sdn Bhd	En. Kelvin Loh Wen Yew	OFO-0114-01-F&B
11	Menara Optometry Centre Sdn Bhd	En. Mohd Zaremdeen	OFO-0311-02-RET
12	Harta Maintenance Sdn Bhd	Pn. Al-Kamaruzzita Mohd Amin	OFO-0313-01-SVC
13	Strata Pro Sdn Bhd	En. Mohd Harzeri Sahar	OFO-0415-03-SVC
14	Strata Pro Sdn Bhd	En. Leng Chai Weng	OFO-0415-03-SVC
15	Leno (M) Sdn Bhd	En. Larry Choh	OFO-0506-01-BH
16	Myhomme Group Resources (M) Sdn Bhd	En. Amran Shah Idris	OFO-0513-05-SVC
17	Arjuna Village Sdn Bhd	Pn. Rose Sida Rahim	OFO-0513-06-F&B
18	Eastern Biotech Resources Sdn Bhd	En. Zolkifli Awang	OFO-0910-05-BH
19	GK Sport & Recreation Sdn Bhd	En. Lim Ru Hui	OFO-0911-05-EDU
20	Rakyat Management Services Sdn Bhd	Dr. Azman Adnan	OFO-1007-02-SVC
21	Bolton Optical Sdn Bhd	Cik Phoenix Tan	OFO-251103-RET
22	7 Eleven (M) Sdn Bhd	En. Shahril Teoh	OMF-0609-07-RET
23	Math Business Sdn Bhd	YBhg. Datin Tang	OMF-0615-01-EDU
24	Math Business Sdn Bhd	Cik Sum Chew Yen	OMF-0615-01-EDU
25	Math Business Sdn Bhd	En. Sum Shau Cheong	OMF-0615-01-EDU
26	Math Business Sdn Bhd	En. Chong Khen May	OMF-0615-01-EDU
27	Naza Tutti Frutti (M) Sdn Bhd	Cik Norliza	OMF-0911-01-F&B
28	Manjit Singh Sachdev, Mohamad Radzi & Partners	En. Neoh Eng Kee	OSI-0498-08-LEG
29	Eden Zil Sdn Bhd	YBhg. Dato' Abdullah Rasol	
30	Universiti Kebangsaan	Prof Dr. Mohd Hizam Hanafiah	

## RINGKASAN LAPORAN KEMAJUAN TAHUN 2015

Sepanjang tahun 2015, MFA telah terlibat dengan pelbagai aktiviti yang telah dipantau dan dikawal selia oleh setiap JKK yang terlibat. Aktiviti yang dilaksanakan akan memberikan nilai tambah dan manfaat kepada para ahli selain menjana pendapatan untuk membiayai perbelanjaan pentadbiran MFA. Bagi mencapai matlamat ini, setiap JKK berperanan untuk menambahbaik dan mengukuhkan aktiviti sedia ada dan memperkenalkan aktiviti baru yang memenuhi kehendak golongan sasaran.

Disamping melaksanakan aktiviti yang telah dirancang, MFA juga terlibat secara langsung dalam aktiviti pembangunan industri francais kelolaan Kementerian dan agensi. Selain itu, MFA juga menghadiri jemputan aktiviti yang dianjurkan oleh para ahli serta jemputan oleh pihak swasta untuk mempromosikan francais kepada umum. Aktiviti MFA tidak terhad di peringkat kebangsaan, malah mendapat reputasi yang baik di peringkat antarabangsa melalui penglibatan MFA di persatuan francais antarabangsa - *World Franchise Council* (WFC) dan *Asia Pacific Franchise Confederation* (APFC).

### Jawatankuasa Pentadbiran

JK Pentadbiran berperanan untuk memastikan penggunaan sumber-sumber dapat dioptimumkan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran agar penyampaian maklumat dan manfaat kepada para ahli dan organisasi yang terlibat dapat diterima dengan baik. Komunikasi merupakan elemen yang penting untuk memastikan maklumat adalah tepat dan jelas diterima oleh semua warga kerja MFA menerusi pelaksanaan Mesyuarat koordinasi di peringkat sekretariat mahupun ahli Jawatankuasa Utama, penggunaan emel dan *whatapps* serta komunikasi melalui telefon. JK juga bertindak untuk memantau aktiviti Persatuan agar sentiasa relevan dan memenuhi kehendak para ahli, penggiat industri dan orang awam dari semasa ke semasa.

Tahun 2015 telah berlaku pemilihan Ahli Jawatankuasa Utama sesi 2015/2017 semasa Mesyuarat Agung Tahunan MFA dan YBhg Datuk Mohd Latip Sarrugi kekal sebagai Pengerusi MFA. Barisan Ahli Jawatankuasa Utama yang dilantik juga tidak mempunyai perubahan yang ketara. Terdapat beberapa muka baru seperti YBhg. Dr Mokhrainim Mokhtar, En Christopher Tay, Coach Nurhasril Noordin dan En Zamani Zakaria.

### Jawatankuasa Kecil Pendaftaran & Etika

JKK Pendaftaran & Etika telah mengambil pelbagai langkah proaktif untuk menambahbaik pendekatan keahlian dan konsep aktiviti yang

dilaksanakan serta memberi penekanan yang berbeza bagi membentuk tanggapan positif yang berkekalan di kalangan ahli. Pada tahun 2015, jumlah keahlian MFA sehingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak 313 ahli dengan 44 keahlian baru dan 3 penamatan keahlian. Fokus keahlian baru adalah di kalangan francaisor/ francais induk baru yang diluluskan oleh Pendaftar Francais. Berdasarkan rekod, MFA berjaya merekrut secara purata sebanyak 44 peratus keahlian baru di kalangan jumlah francaisor/ francais induk yang berdaftar dengan pihak Pendaftar Francais.

Pada tahun 2015, bagi memberikan nilai tambah dan penghargaan kepada ahli yang setia kepada MFA, JKK telah memanjangkan jemputan khas kepada 45 ahli yang mempunyai tahun keahlian MFA lebih daripada 10 tahun untuk bersama-sama memeriahkan dan merasai pengalaman menyertai Program Malam Anugerah Francais Malaysia 2015. Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2015 adalah aktiviti kunjungan kepada 45 ahli dan 12 potensi ahli di serata negeri, 4 program *Teh Tarik Session* yang membincangkan isu-isu semasa, 68 berita ahli yang telah dihebahkan melalui saluran media MFA serta memaparkan logo dan profil 142 ahli di laman sesawang MFA. Selain itu, bagi meraikan kehadiran ahli baru MFA, satu Majlis penganugerahan sijil kepada ahli baru telah diadakan pada 23 Jun 2015 bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan MFA. Para ahli baru juga telah diberikan rebet kupon untuk menghadiri Program Latihan MFA bagi meningkatkan kefahaman sistem francais.

# RINGKASAN LAPORAN KEMAJUAN TAHUN 2015

## **Jawatankuasa Kecil Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa**

JKK Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa bertanggungjawab untuk mempromosikan dan melebarkan jenama francais tempatan ke pasaran global. Bagi memenuhi peranan ini, JKK telah melaksanakan pelbagai aktiviti antaranya dengan melaksanakan kerjasama bersama KPDKK dan MATRADE untuk menganjurkan Misi Perdagangan ke 7 lokasi program Francais luar Negara serta mengadakan pertemuan dan kerjasama dengan pelbagai pihak atau organisasi tempatan mahupun antarabangsa yang berkepentingan dalam memajukan industri francais. Antara lokasi yang dikunjungi adalah Australia, Indonesia, Korea, Myanmar, Turkey dan Singapura.

Selain itu, JKK juga bertindak sebagai sekretariat bagi mengendalikan urusan keahlian dengan *World Franchise Council (WFC)* and *Asia Pacific Franchise Confederation (APFC)*. MFA telah bergiat aktif dengan WFC dan APFC sejak tahun 1998 hingga kini. Keanggotaan MFA dalam Persatuan ini penting untuk berkongsi pelbagai maklumat dan perkembangan industri francais bagi setiap Negara bagi memantapkan lagi industri francais di peringkat global.

## **Jawatankuasa Kecil Promosi & Perhubungan Awam**

JKK Promosi & Perhubungan Awam berperanan untuk merangka dan melaksanakan aktiviti promosi berkesan yang akan dapat meningkatkan dan mengukuhkan jenama dan kepercayaan umum kepada MFA dan industri francais. Aktiviti promosi yang dilaksanakan mestilah dapat menyampaikan dan mendidik masyarakat umum berkenaan maklumat francais dan jenama francais melalui pelbagai saluran media. Sepanjang tahun 2015, JKK telah melaksanakan pelbagai aktiviti promosi melalui saluran media seperti kunjungan media untuk membincangkan kerjasama dalam mempromosikan aktiviti francais yang telah dirancang dan membangunkan pakej media mampu beli oleh para ahli.

Selain itu, JKK juga terlibat secara langsung dalam menyediakan editorial bagi penganjuran aktiviti MFA yang meliputi kata aluan, ucapan, iklan, kenyataan akhbar dan e-franchise mind. Aktiviti promosi juga dilaksanakan melalui program jerayawara yang disertai dan siri jempunan ceramah francais. JKK juga melaksanakan aktiviti pemasaran produk MFA melalui konsultansi dan Info Servis serta kunjungan pemasaran untuk menjana sumber kewangan bagi membiayai belanja pentadbiran MFA.

Program Tanggungjawab Sosial Korporat atau CSR pada tahun 2015 telah diadakan sebanyak 3 kali bagi membantu masyarakat. Program ini telah mendapat sokongan ahli dengan pemberian sumbangan berbentuk tunai dan barangan untuk disalurkan kepada mereka yang tidak berkemampuan. MFA telah menganjurkan program CSR Misi kemanusiaan Banjir di Pahang pada Januari 2015, CSR Sumbangan duit raya dan Majlis Ramah Mesra bersama warga emas Baitul Mawaddah anjuran bersama Pusat Zakat Selangor pada bulan Julai serta Sumbangan duit raya dan Majlis Ramah Mesra bersama anak-anak yatim di slot Selamat Pagi Malaysia (SPM) juga pada bulan Julai 2015.

## **Jawatankuasa Kecil Penyelidikan & Pendidikan**

JKK Penyelidikan & Pendidikan berperanan untuk merancang dan melaksanakan program penyelidikan dan pendidikan bagi memenuhi kehendak masa kini dan golongan sasaran. Sepanjang tahun 2015, JKK telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan penambahbaikan program Anugerah Francais dan Modul Latihan. JKK juga telah melaksanakan pelbagai jenis program latihan untuk memenuhi kehendak dan keperluan industri yang amat diperlukan bagi usahawan yang cenderung untuk menyertai industri francais agar dapat memahami dengan jelas maksud perniagaan francais. Sepanjang tahun 2015, 4 program Kursus Asas Perniagaan Francais dan 8 program Seminar Pendedahan & Peluang Perniagaan Francais kepada para pelajar Institusi Tinggi dan orang awam melalui program kerjasama dengan Empower ECER.

Selain itu, pada tahun 2015, Program Francais Siswa telah mendapat kerjasama daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan KPDKK untuk pengajurannya. Program ini telah mendapat penyertaan daripada 10 Institusi Pengajian Tinggi Awam.

# RINGKASAN LAPORAN KEMAJUAN TAHUN 2015

Kemuncak bagi program ini telah mengiktiraf Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sebagai Johan Program Francais Siswa 2015 diikuti Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai Naib Johan dan Universiti Malaya (UM) sebagai Tempat ketiga. Anugerah telah disampaikan oleh YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin pada 17 November 2015 sempena Malam Anugerah Francais 2015 di Sunway Resort Hotel & Spa, Petaling Jaya.

## **Jawatankuasa Kecil Pembangunan Perniagaan**

JKK berperanan untuk memantau isu-isu semasa ahli dan pembangunan produk serta mewujudkan program baru yang menjana sumber pendapatan bagi membiayai belanja pentadbiran MFA. Bagi memantau isu semasa dan pembangunan produk tempatan, JKK telah dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa Induk Pembangunan Produk (JIPP) dan Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Produk (JTTP) di setiap negeri. Pada tahun 2015, terdapat pelbagai program kerjasama yang telah dilaksanakan bagi meluaskan jaringan perhubungan MFA untuk mewujudkan peluang perniagaan francais, serta menangani isu semasa seperti GST dan tenaga kerja. MFA juga telah memeterai perjanjian dengan EPU dan KPDNKK bagi melaksanakan program Pengukuhan Pembangunan Francais Untuk Meningkatkan Eksport (EFDP). Program EFDP ini dilihat dapat membantu para penggiat francais tempatan amnya dan ahli MFA khususnya untuk lebih bersedia dan berdaya saing dalam mengembangkan perniagaan ke peringkat global. Terdapat 4 elemen dalam program ini iaitu Pembangunan Infrastruktur, Penyelidikan dan Pendidikan, Pemasaran dan Bantuan Kewangan.

## **Jawatankuasa Kecil Rundingcara & Kebajikan**

JKK berperanan untuk memberi khidmat nasihat dan menjaga kebajikan ahli dalam isu francais yang dihadapi. Pelbagai isu francais yang melanda industri francais adalah kerana semua pihak yang terbabit tidak memahami dengan jelas konsep perniagaan francais atau terdapat pihak yang ingin memanipulasikan perniagaan francais ini. JKK bersedia membantu berdasarkan kepada bidang kuasa dan kepakaran dalam menangani isu terbabit. Tahun 2015, terdapat 7

aduan diterima berkenaan isu sokongan francais kepada francais manakala permintaan bagi mendapatkan khidmat sokongan MFA daripada 7 syarikat bagi mendapatkan kad perjalanan perniagaan dan isu sensitiviti makanan, permohonan sijil halal dan GST.

## **Jawatankuasa Induk Franchise International Malaysia 2015 (FIM2015)**

Program Pameran & Persidangan FIM2015 telah diadakan dengan jayanya pada 12-14 Jun 2015 dengan dikunjungi oleh lebih 10,000 pengunjung tempatan dan asing untuk memahami dan mengintai peluang perniagaan francais yang ditawarkan oleh 88 syarikat pemamer yang terdiri daripada sektor yang berlainan antaranya, makanan, perkhidmatan, pakaian, kecantikan dan kesihatan serta banyak lagi. Sejumlah RM379 juta nilai jangkaan pelaburan telah berjaya dicatatkan sepanjang 3 hari program ini berlansung. Persidangan Antarabangsa telah disertai oleh 225 peserta untuk mendapatkan dan berkongsi maklumat francais dengan 8 orang penceramah tempatan dan asing. Antara aktiviti lain yang diadakan sepanjang FIM2015 bagi memeriahkan lagi program adalah Bengkel Peluang Francais, Sesi Permadanan Perniagaan dan Pertandingan Barista serta Demo masakan bersama Chef Brian daripada Young Chef's Academy.

## **Jawatankuasa Induk Malam Anugerah Francais 2015 (MAF2015)**

Malam Anugerah Francais diadakan pada 17 November 2015 di Hotel Sunway Resort & Spa bagi memberi penghargaan tertinggi industri kepada syarikat francais untuk mengukuhkan jenama dan memberi impak positif bahawa jenama francais terutamanya jenama tempatan pada masa hadapan dapat berkembang dengan lebih meluas lagi dan setanding dengan jenama francais berjaya luar negara. Program ini yang bertemakan *Emerald Green* telah dihadiri oleh 800 tetamu dan diserikan dengan acara hiburan yang menarik iaitu acara koktel, temuramah karpas merah, cabutan bertuah serta persembahan hiburan daripada Datuk Yusni Hamid dan Fuad Kilauan Emas. Anugerah pada malam tersebut telah disampaikan oleh YB Dato' Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin kepada 18 pemenang.



# PENTADBIRAN

## AHLI JAWATANKUASA PENTADBIRAN SESI 2015/2017

Pengerusi	: En. Mohammad Shukri Salleh (Franchise Channel (M) Sdn Bhd)
Ahli – Ahli	: En. Fauzi Awang (Wonderful Lifestyle Sdn. Bhd)
	: YBhg. Dato' Zahriah Abd Kadir (Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd)
	: En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)
	: Pn. Zuraida Jomri (Sekretariat)
	: En. Norhadi Md Yusof (Sekretariat)
	: Cik Fatin Nur'Atikah Abd Latip (Sekretariat)

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-20

Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-20 telah diadakan pada 23 Jun 2015 bertempat di Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur dengan dihadiri dengan 99 wakil ahli. Pada mesyuarat tersebut, Pemilihan Jawatankuasa Utama sesi 2015/2017 telah diadakan dan senarai perlantikan adalah seperti berikut:

### Pengerusi

YBhg Datuk Mohd Latip Sarrugi

### Naib Pengerusi

YBhg. Dato' Seri Dr. Richard Ong Thiam Boon  
En. Izham Hakimi Hamdi

### Setiausaha Agung

En Mohamad Shukri Salleh

### Penolong Setiausaha

En Fauzi Awang  
YBhg Dato' Zahriah Abdul Kadir

### Bendahari Agung

En Rozaiman Che Kar

### Penolong Bendahari

YBrs. Dr. Mokhrainim Mokhtar

### Ahli Jawatankuasa

YBhg Dato' Dr Manjit Singh Sachdev  
YBhg Datuk Radzali Hassan  
En Christopjer Tay Leng Kee  
En Khairuddin Yahya  
En Nurhasril Noordin  
En Wan Arjunawan Wan Halim  
En Zamani Zakaria

## MESYUARAT JAWATANKUASA UTAMA

Mesyuarat Jawatankuasa telah dilaksanakan bagi memastikan dan memantau aktiviti dilaksanakan seperti yang telah dijadualkan serta membincangkan perkara atau isu berbangkit yang perlu diambil tindakan. Walau bagaimanapun pemantauan aktiviti ini tidak terhad melalui mesyuarat Jawatankuasa Utama dan Jawatankuasa Eksekutif sahaja, mesyuarat diantara Jawatankuasa kecil dan dikalangan sekretariat juga sering dilaksanakan. Jadual pelaksanaan mesyuarat bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

TARIKH	MESYUARAT
9 Jan 2015	Mesyuarat Bil 7/2013-2015
15 Apr 2015	Mesyuarat Bil 8/2013-2015
19 Jun 2015	Mesyuarat Bil 1/2015-2017
31 Jul 2015	Mesyuarat Bil 2/2015-2017
26 Nov 2015	Mesyuarat Bil 3/2015-2017

## PERLANTIKAN JAWATAN

Sepanjang tahun 2015, terdapat 2 orang ahli Jawatankuasa telah dilantik bagi memantapkan pengurusan MFA iaitu YBhg Dr Azmawani Abd Rahman daripada Universiti Putra Malaysia dan En Afkhar Razi Mohamed @ Ariffin daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaanserta En Azmir Jaafar daripada Golden Arches Restaurants Sdn Bhd.

## KUNJUNGAN HORMAT

Kunjungan hormat ini dilaksanakan bagi mengukuhkan hubungan dua hala, melaksanakan kerjasama dalam penganjuran aktiviti serta mendapatkan maklumbalas mengenai isu semasa industri francais. Pada tahun 2015, Jawatankuasa telah mengadakan kunjungan hormat seperti senarai berikut:

TARIKH	MESYUARAT
23 Julai 2015	YBhg Dato' Dzulkifli Mahmud Ketua Pegawai Eksekutif MATRADE
2 Sep 2015	YBhg. Datuk Seri Syed Ali Syed Abbas Al-Habshee Pengerusi Perbadanan Nasional Berhad



# PENTADBIRAN

---

## SEKRETARIAT

Sekretariat ditubuhkan untuk membantu Ahli Jawatankuasa Utama Persatuan menjalankan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang mendatangkan faedah kepada ahli secara khususnya dan industri francais secara umumnya. Di peringkat sekretariat, terdapat 8 orang kakitangan tetap dan dibantu oleh 7 kakitangan sokongan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang.

## INFORMASI, TEKNOLOGI & KOMUNIKASI

Laman Sesawang di [www.mfa.org.my](http://www.mfa.org.my)

Membina, menyelenggara dan menaiktarafkan laman sesawang MFA dan program anjuran MFA seperti FIM2015 dan MAF2015. Tujuan utama ialah menjadikan laman sesawang ini sebagai pusat rujukan maklumat francais, saluran para ahli mempromosikan aktiviti mereka dan MFA menyebarkan maklumat terkini

berkaitan industri francais serta aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh MFA.

## Hebahan Melalui Email, Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan Fax Digital

Pelbagai aktiviti semasa atau tahunan anjuran MFA telah dihebahkan kepada para ahli dan orang awam yang bertujuan untuk mempromosikan serta memaklumkan maklumat terkini berkaitan MFA dan para ahli secara sistematik. Selain itu, MFA juga telah membantu ahli-ahli untuk menyebarkan iklan, promosi dan berita francais mereka melalui kaedah ini.

## KALENDAR AKTIVITI

JKK Pentadbiran bertanggungjawab untuk mengkordinasikan dan memastikan aktiviti MFA yang telah dirancang dilaksanakan mengikut perancangan. Sepanjang tahun 2015, Persatuan telah menganjurkan pelbagai aktiviti yang melibatkan ahlinya dan orang awam. Selain itu, Persatuan juga telah menyertai dan menerima jemputan anjuran ahli-ahli persatuan, agensi kerajaan dan pihak swasta. Kalendar Aktiviti Tahun 2015 adalah seperti di muka surat 63-72.

# PENDAFTARAN & ETIKA

## AHLI JAWATANKUASA KECIL PENDAFTARAN & ETIKASESI 2015/2017

<i>Pengerusi</i>	: En. Khairudin Yahya (Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd)
<i>Ahli-Ahli</i>	: En. Mohamad Shukri Salleh (Franchise Channel Sdn Bhd)
	: Cik Hisalmizan Mat Kimi (KPDNKK)
	: En. Badrul Hisham Shawal (Perbadanan Nasional Berhad)
	: En. Chew Phye Keat (Raja, Darryl & Loh)
	: En. Alex Chong (Sakura Kristal Sdn Bhd)
	: En. Kamarol Affandi Mohammad (Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd)
	: En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)
	: En. Mohd Faizal Abd Latip (Pengurus Kanan)
	: Cik Siti Aida Farhana Hamzah (Eksekutif)

## OBJEKTIF JKK

Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika adalah bertanggungjawab menentukan kedudukan sesuatu permohonan untuk menjadi ahli, memperakukan permohonan tersebut kepada Jawatankuasa Utama, bertanggungjawab ke atas mekanisme pengawasan etika ahli-ahli menggunakan Kaedah-kaedah Pengawasan Etika secara dalaman yang diperuntukkan di dalam Undang-Undang Tubuh ini.

## PENDAFTARAN KEAHLIAN

### Bilangan Keahlian

Jawatankuasa dari semasa ke semasa melaksanakan operasi pemutihan ahli bagi memastikan setiap ahli menerima faedah daripada keahlian mereka. Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti keahlian serta penyampaian perkhidmatan MFA. Pecahan bilangan keahlian pada 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

KATEGORI KEAHLIAN	JENIS KEAHLIAN	BILANGAN AHLI
Ahli Biasa	Francaisor	127
	Francaisi Induk	12
	Francaisi	54
	Institusi Sokongan	18
Ahli Bersekutu	Bakal Francaisor	51
	Bakal Francaisi Induk	9
	Bakal Francaisi	18
	Institusi Sokongan	13
Ahli Antarabangsa		4
Ahli Kehormat		7
<b>JUMLAH</b>		<b>313</b>

### Keahlian Ahli Baru

Pada tahun 2015, keahlian yang telah diluluskan adalah sebanyak 44 permohonan. Fokus rekrut keahlian adalah di kalangan francaisor dan francaisi induk yang diluluskan oleh Pendaftar Francaisi di mana JKK berjaya merekrut secara purata sebanyak 44 peratus daripada jumlah kelulusan tahunan Pendaftar Francaisi.

### Penamatan Keahlian

Sehingga 31 Disember 2015 sebanyak 3 ahli telah menamatkan keahlian mereka berbanding 9 ahli pada tahun 2014. Penamatan ini adalah disebabkan ahli tersebut tidak lagi aktif dalam industri francaisi.

## AKTIVITI KEAHLIAN

MFA juga telah melaksanakan beberapa aktiviti semasa yang memberikan pelbagai faedah kepada ahli-ahli persatuan dan butiran lanjut adalah seperti berikut:

### 1. Jemputan Khas Menyertai Aktiviti Anjuran MFA

Sebagai tanda penghargaan kepada kesetiaan ahli dan kebersamaan ahli sepanjang penubuhan MFA selama ini, JKK pada tahun 2015 telah memperkenalkan manfaat keahlian untuk menjemput ahli menyertai dan merasai kemeriahan aktiviti anjuran MFA. Jemputan khas ini khusus kepada ahli yang mempunyai tahun keahlian melebihi 10 tahun. Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 45 ahli telah dikenalpasti.

Pada tahun 2015, seramai 7 ahli telah menerima manfaat ini di mana seramai 15 wakil ahli berpeluang menyertai Program Malam Anugerah Francaisi 2015 yang berlangsung pada 17 November 2015.

	Berita Harian	Cawangan Maybank Yangon dibuka
	The Sun	Maybank launches Myanmar ops
7 Okt 2015	Berita Harian	Malaysia destinasi pilihan francais luar
	The Global New Light Of Myanmar	Malaysia's Maybank opens branch in Yangon
15 Okt 2015	Utusan Malaysia	LPizza Pizza sedia untuk difrancais

## PROMOSI & PERHUBUNGAN AWAM

LAMPIRAN

TARIKH	SURAT KHABAR	TAJUK
19 Okt 2015	The Star	CIMB Bank launches online travel currency service
	The Sun	Odees Promotion
	Utusan Malaysia	CIMB lancar CIMB TravelCurrency
	Utusan Malaysia	KPDNKK anjur Hari Pengguna Kebangsaan 2015
20 Okt 2015	Utusan Malaysia	'Tawaran Lebih Besar' CIMB kepada pemegang kad keahlian
22 Okt 2015	The Star	Raising all-round
	The Star	Starting them young
	The Star	Instilling the love to learn
26 Okt 2015	Utusan Malaysia	Rela bantu KPDNKK
	Utusan Malaysia	MAF2015 pertandingkan jenama baharu francais
27 Okt 2015	Utusan Malaysia	FAMA buka outlet KopieSatu di Jakarta
	The Sun	McDonald's Promotion
28 Okt 2015	Utusan Malaysia	Wasiyyah Shoppe lancar E-Mawarith
29 Okt 2015	The Sun	Kenny Rogers Roasters Promotion
02 Nov 2015	Kosmo	Ke arah memantapkan industri francais
	Kosmo	PNS francais induk Gloria Jean's Coffees
	The Star	Boy, it's been a ride
05 Nov 2015	The Sun	Holistic early childhood development
12 Nov 2015	The Star	All-round early development
	The Star	Winning leaders
	The Sun	Making On franchise
	Berita Harian	Jumlah syarikat francais meningkat
	Utusan	Sektor francais tempatan terus catat peningkatan
1 Dis 2015	The Sun	Maybank teams up with China UMS
	The Star	Passion for language
2 Dis 2015	Berita Harian	Peniaga francais manfaat dana RM31j
10 Dis 2015	Sinar Harian	Labur RM16.5 juta buka 15 restoran
	Berita Harian	MFM sasar buka 15 cawangan baharu
	Utusan Malaysia	Program CBE CoolBlog capai matlamat usahawan
	Utusan Malaysia	Revenue valley labur RM16 juta
11 Dis 2015	Kosmo	Galeri KPDNKK

# PENYELIDIKAN & PENDIDIKAN

---

## AHLI JAWATANKUASA KECIL PENYELIDIKAN & PENDIDIKAN SESI 2015/2017

Pengerusi	: YBrs. Prof. Dr. Azmawani Abd. Rahman (Universiti Putra Malaysia)
Naib Pengerusi	: En. Nurhasril Noordin (Murni Allianza Consult Sdn Bhd)
Setiausaha Agung	: En. Mohd Shukri Salleh (Franchise Channel (M) Sdn Bhd)
Ahli – ahli	: En. Suhaimi Hamad (Perbadanan Produktiviti Malaysia)
	: Hjh. Sharifah Normah Syed Omar
	: En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif )
	: En. Mustafa Mat Arof (Pengurus Besar)
	: En. Mohd Faizal Abd Latip (Pengurus Kanan)
	: En. Wan Muhammad Zainal Wan Yahya (Penolong Pengurus)
	: En. Abdullah Bin Abu (Eksekutif)
	: En. Rithauddin Abd Aziz (Eksekutif)

---

### OBJEKTIF JKK

Jawatankuasa Kecil Penyelidikan & Pendidikan bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek - projek latihan dan pendidikan kepada ahli - ahli dan menyelenggara pusat maklumat mengenai Industri Francais untuk faedah ahli-ahli.

### AKTIVITI PENYELIDIKAN

#### Anugerah Francais Malaysia 2015

Anugerah Francais Malaysia sekali lagi telah diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada pendokong-pendokong industri francais di Malaysia serta mengalakan inovasi-inovasi tempatan dalam usaha meningkatkan kemajuan industri francais di Malaysia.

Pada tahun ini, sebanyak 4 kategori Utama yang melibatkan 19 Anugerah dipertandingkan pada AFM 2015. AFM 2015 telah dilancarkan pada 11 Jun 2015 dimana proses pencalonan secara rasminya dibuka kepada para ahli. Sehingga tarikh tutup pada 30 Ogos 2015, pihak jawatankuasa telah menerima 45 pencalonan bagi pelbagai kategori.

Dalam proses penilaian, Jawatankuasa telah disokong oleh para Panel Penilai dari pelbagai organisasi berkaitan seperti berikut :

1. Bahagian Pembangunan Francais, KPDNKK
2. Perbadanan Nasional Berhad (PNS),
3. Perbadanan Harta Inteltek Malaysia (MyIPO)
4. Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
5. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
6. Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
7. SME Corporation Malaysia (SME Corp)
8. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
9. Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
10. SIRIM Berhad
11. Malayan Banking Berhad (Maybank)
12. Universiti Malaya (UM)

13. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
14. Universiti Putra Malaysia (UPM)
15. Universiti Teknologi Mara (UiTM)
16. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Penyampaian Anugerah telah disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan, YB Dato' Seri Hamzah Zainudin pada 17 November 2015 bertempat di Sunway Resort Hotel & Spa, Petaling Jaya.

#### Majlis Konsultasi Bajet 2015

Jawatankuasa sekali lagi telah dijemput oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk mengemukakan memorandum bagi pelaksanaan Konsultasi Bajet tahun 2016. Tajuk yang dicadangkan adalah "Memperkuh Pertumbuhan, Memperluas Keterangkuman, Memastikan Kemapanan Fiskal". Jawatankuasa telah mengemukakan memorandum tersebut berdasarkan tajuk yang dicadangkan.

### PENDIDIKAN

#### Program Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF)

Objektif program ini adalah untuk memberi peluang dan pengetahuan kepada bakal-bakal penggiat francais mengenai aspek-aspek asas dan kaedah penilaian daya-maju sesebuah perniagaan francais. Program ini turut menyediakan sesi perkongsian pengalaman bersama pihak francaisor dan francaisi terdiri daripada ahli – ahli MFA yang mana secara tidak langsung merupakan peluang mempromosikan perniagaan mereka kepada peserta yang hadir. Selain penglibatan francaisor dan francaisi dalam program ini, para penceramah yang dijemput juga terdiri daripada ahli persatuan seperti perunding- perunding francais, firma guaman dan wakil-wakil daripada institusi kewangan.

## PENYELIDIKAN & PENDIDIKAN

TARIKH& LOKASI	PENGLIBATAN AHLI
14 -15 Feb 2015 Hotel Ancasa, Kuala Lumpur	Harta Maintenance Sdn Bhd (HartaEMS)
11 -12 Apr 2015 Hotel Ancasa, Kuala Lumpur	Pandan Utama Sdn Bhd (Procleaner)
31 Okt -1Nov 2015 Hotel Melia, Kuala Lumpur	Resepi Arena Sdn Bhd (Dapur Penyet)

### Seminar Pendedahan & Peluang Perniagaan Francais

Objektif program ini adalah untuk memberi pengetahuan mengenai aspek-aspek asas di dalam sistem francais dan kaedah-kaedah menilai daya maju sesebuah perniagaan francais serta sebagai persediaan untuk menceburi bidang francais. Kursus tersebut telah diadakan seperti butiran berikut:

TARIKH & LOKASI	KURSUS
15 Apr 2015 Kota Samarahan, Sarawak	Seminar Pendedahan Francais Institusi Pengajian Tinggi
16 Apr 2015 Kota Kinabalu, Sabah	Seminar Pendedahan Francais Institusi Pengajian Tinggi
31 Jul 2015 Ketereh Kelantan	Seminar Pendedahan & Peluang Perniagaan Francais anjaran bersama Empower ECER
15 Ogos 2015 Maran, Pahang	Seminar Pendedahan & Peluang Perniagaan Francais anjaran bersama Empower ECER
16 Ogos 2015 Jerantut, Pahang	Seminar Pendedahan & Peluang Perniagaan Francais anjaran bersama Empower ECER
21 Ogos 2015 Besut, Terengganu	Seminar Pendedahan & Peluang Perniagaan Francais anjaran bersama Empower ECER
22 Ogos 2015 Rompin, Pahang	Seminar Pendedahan & Peluang Perniagaan Francais anjaran bersama Empower ECER
28 Ogos 2015 Kuala Berang, Terengganu	Seminar Pendedahan & Peluang Perniagaan Francais anjaran bersama Empower ECER

### Program Francais Siswa 2015

Jawatankuasa dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah melaksanakan Program Francais Siswa 2015 yang melibatkan para mahasiswa daripada 10 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Program selama 6 bulan ini telah dilaksanakan seperti butiran berikut:

TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
24 Apr 2015	Seminar Sehari Francais	KPDNKK, Putrajaya
13-15 Mei 2015	Kursus Intensif Francais	Cheringin Hill, Pahang
13 Jun 2015	Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia (FIM2015)	PWTC, Kuala Lumpur
23 Sep2015	Franchise Business Challenge 2015	Universiti Kebangsaan Malaysia
6 Nov 2015	Anugerah Francais Malaysia 2015	Sunway Resort Hotel & Spa, Petaling Jaya

Kemuncak bagi program ini telah mengiktiraf Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sebagai Johan Program Francais Siswa 2015 diikuti Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai Naib Johan dan Universiti Malaya (UM) sebagai Tempat ketiga. Anugerah telah disampaikan oleh YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 17 November 2015 sempena Malam Anugerah Francais 2015 di Sunway Resort Hotel & Spa, Petaling Jaya.

# PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

---

## AHLI JAWATANKUASA KECIL PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SESI 2015/2017

Pengerusi	: En. Fauzi Awang (Wonderful Lifestyle (M) Sdn Bhd)
Naib Pengerusi	: En. Amran Shah Idris (My Homme Group Resources .M. Sdn Bhd)
Ahli - ahli	: En. Mohamad Shukri Salleh (Franchise Channel .M. Sdn Bhd)
	: Pn. Noor Diyanti Adzhari (Bahagian Pembangunan Francais, KPDNKK)
	: En. Alias Ayob (HR Bestari Sdn Bhd)
	: En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)
	: En. Mustaffa mat Arof (Sekretariat)
	: En. Mohd Faizal Abd Latip (Sekretariat)
	: En. Wan Muhammad Zainal Wan Yahya (Sekretariat)
	: En. Abdullah Bin Abu (Sekretariat)

---

### OBJEKTIF JKK

Jawatankuasa Kecil Pembangunan Perniagaan bertanggungjawab menangani dan memantau isu-isu semasa ahli di dalam aspek pembangunan perniagaan francais dan industri secara khusus seperti kewangan, premis, keusahawanan dan pembangunan produk melalui integrasi setiap ahli dengan agensi kerajaan, korporat dan usahawan di samping mewujudkan peluang-peluang perniagaan melalui aktiviti yang dilaksanakan bertujuan bagi mengukuhkan dana MFA.

### PROGRAM KERJASAMA

#### 1. Program Pembangunan Produk Francais Tempatan (PPFT)

MFA telah menganggotai Jawatankuasa Induk Pembangunan Produk (JIPP) dan Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Produk (JTPP) untuk setiap negeri. Sebanyak 15 ahli MFA yang terdiri daripada perunding francais turut terlibat dalam menilai dan membangunkan produk-produk di bawah program ini. Sepanjang tahun 2015, MFA telah menghadiri mesyuarat sebanyak 3 kali pada bulan Januari, Mac dan Julai.

#### 2. Kerjasama Dengan Institusi Kewangan - Credit Guarantee Corporation (CGC)

Jawatankuasa bersama Credit Guarantee Corporation (CGC) telah menandatangani memorandum persefahaman pada 8 Oktober 2015 dalam menyediakan skim pembiayaan kepada para penggiat francais. Majlis pertukaran MOU tersebut telah disempurnakan pada Malam Anugerah Francais 2015 yang berlangsung pada 17 November 2015 bertempat di Sunway Hotel, Resort & Spa, Petaling Jaya.

#### 3. Program Kerjasama Dengan Bahagian GST, Kastam Diraja Malaysia (KDRM)

Jawatankuasa telah mengadakan beberapa program kerjasama dalam menganjurkan Seminar Sistem Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST)

bagi PERHEBAT pada 25 Februari 2015. Selain daripada kerjasama seminar, jawatankuasa juga telah mengadakan satu (1) siri *Focus Group Discussion* bersama para ahli dalam membincangkan isu – isu yang dihadapi menjelang pelaksanaan GST Sistem Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST). Hasil perbincangan tersebut telah dikemukakan kepada Pengarah Bahagian GST, Kastam Diraja Malaysia (KDRM)

#### 4. Program Kerjasama Dengan Prasarana (M) Berhad

Jawatankuasa telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak Prasarana bagi melaksanakan kerjasama yang dapat memberi faedah kepada ahli dan MFA. Pihak Prasarana berminat untuk menawarkan lokasi untuk perniagaan francais mobil di 2 stesyen LRT kendaliannya. MFA telah memajukan cadangan ahli yang berminat kepada Prasarana.

#### 5. Businee Excellence CEO Forum 2015 Anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Jawatankuasa bersama beberapa organisasi lain seperti FMM dan IMM telah dijemput untuk menyokong penganjuran forum tersebut dan diberi tanggungjawab untuk mempromosikan dan mendapatkan penyertaan forum tersebut daripada kalangan para penggiat francais. Seramai 32 orang daripada kalangan ahli telah menyertai forum sehari ini yang telah diadakan pada 8 September 2015 di Grand Dorset Subang Hotel, Subang Jaya Selangor.

#### 6. Program Kerjasama Dengan Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), Universiti Utara Malaysia (UUM)

MFA telah mengadakan beberapa pertemuan dengan pihak Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) bagi membincangkan peluang kerjasama yang boleh dijalinan antara MFA dan CEDI. Kesenambungan dari itu, satu Sesi Percambahan Idea telah diadakan pada 29-30 Julai 2015 di Universiti Utara Malaysia. Program selama 2 hari ini turut melibatkan panel

# PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

penceramah dari Sejong Universiti, Korea. Antara kandungan perbincangan kerjasama tersebut adalah untuk mengadakan Franchise Executive Program (kerjasama dengan Sea Jong Universiti, Korea), Franchise Day Wilayah Utara, Penyelidikan Francais, Kajian Kes dan Penyertaan FIM2016.

## 7. Kerjasama Penempatan Graduan Giat MARA Di Syarikat Francais

Jawatankuasa telah mengadakan perbincangan dengan Pengerusi Giat MARA pada 20 April 2015 bagi menempatkan para graduan dalam bidang kuliner di syarikat-syarikat francais khususnya dalam sektor makanan. Antara objektif utama kerjasama ini adalah untuk membantu para ahli bagi mendapatkan tenaga kerja yang terlatih.

## FORUM

### Forum GST Khusus Untuk Industri Francais

Jawatankuasa telah melaksanakan satu forum GST khusus untuk industri francais berikutan pelbagai isu yang dibangkitkan menjelang pelaksanaan GST pada 1 April 2015. Forum tersebut telah diadakan pada 17 Mac 2015 di KPDNKK dengan disertai oleh 115 orang penggiat francais. Panel jemputan terdiri daripada Tuan Haji Aziz (MATA), En. KhairiAzman (OMNI2U Sdn Bhd), En. Gunaselan a/l A.S Marian (Unit Anti Pencatutan KPDNKK) dan Pn. Sharmila (Bahagian GST, Kastam Diraja Malaysia).

## PENUBUHAN SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD

Jawatankuasa telah diberikan mandat untuk mengkaji dan memperincikan penubuhan syarikat Sendirian Berhad di bawah MFA bagi mempelbagaikan sumber pendapatan MFA. Sehubungan itu, Jawatankuasa telah melaksanakan bengkel selama 3 hari bagi membincangkan hala tuju penubuhan syarikat tersebut pada 29 November 2015 sehingga 1 Disember 2015 di Hotel Holiday Villa Subang Jaya.

## PROGRAM PENGUKUHAN PEMBANGUNAN FRANCAIS UNTUK MENINGKATKAN EKSPORT (EFDP)

MFA dengan kerjasama KPDNKK dan Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah melancarkan Program Pengukuhan Pembangunan Francais Untuk Meningkatkan Eksport. Tujuan utama program ini diwujudkan adalah untuk membantu para penggiat francais tempatan lebih bersedia dan berdaya saing dalam mengembangkan perniagaan ke peringkat global. 4 elemen program ini iaitu:

**Pembangunan Infrastruktur** - Untuk membangunkan kemudahan yang kondusif bagi membantu aktiviti pengembangan ke pasaran antarabangsa.

**Penyelidikan & Pendidikan** - Menyediakan laporan penyelidikan pemasaran yang terkini khususnya untuk pasaran antarabangsa. Laporan ini disediakan untuk wakil francais tempatan di samping menyediakan program latihan bagi meningkatkan pengetahuan berkaitan francais antarabangsa.

**Pemasaran** - Memfokuskan untuk membantu francais Malaysia semasa Misi Perdagangan Antarabangsa yang dianjurkan oleh KPDNKK seperti penyediaan bantuan jurubahasa, mesyuarat susulan dan Sesi Pemadanan Perniagaan.

**Bantuan Kewangan** - Penyediaan bantuan kewangan kepada penggiat francais yang telah mengembangkan perniagaan ke luar Negara berdasarkan kepada syarat tertentu. Terdapat 2 bentuk bantuan kewangan iaitu Pembayaran Balik Fi Perjanjian Francais dan Pembayaran Balik Fi Pendaftaran Harta Intelek.



# RUNDINGCARA & KEBAJIKAN

---

## AHLI JAWATANKUASA KECIL RUNDINGCARA & KEBAJIKAN SESI 2015/2017

Pengerusi : YBhg Dato' Dr. Manjit Singh Sachdev (Manjit Singh Sachdev, Mohamad Radzi & Partners)  
Ahli-Ahli : Pn. Fadhilah Mohd Zaki (KPDNKK)  
: En. Izdihar Mostamam (Perbadanan Nasional Berhad)  
: En. Mohamad Shukri Salleh (Franchise Channel (M) Sdn Bhd)  
: En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)  
: En. Mohd. Faizal Abd. Latip (Sekretariat)  
: Cik Aida Farhana Hamzah (Sekretariat)

---

### OBJEKTIF JKK

Jawatankuasa Kecil Rundingcara dan Kebajikan ini bertanggungjawab memberi khidmat kaunseling, menjaga kebajikan ahli serta mengambil tindakan menjalankan timbangtara dalam sesuatu konflik sesama ahli.

### RUNDINGCARA

Klinik francais dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan kes dan aduan rasmi yang diterima oleh Jawatankuasa. Khidmat kaunseling ini hanya diberikan kepada ahli MFA sahaja. Kebanyakan kes yang dilaporkan melibatkan pelbagai isu dari permasalahan yang wujud antara francaisor dan francais.

Pihak MFA akan terlebih dahulu meneliti samada kes-kes yang dilaporkan itu melibatkan Akta Francais 1998, amalan etika perniagaan atau kelakuan profesional seseorang ahli, seterusnya menyiasat kes yang dikemukakan dan merujuk kes-kes tersebut kepada agensi-agensi berkaitan seperti KPDNKK, PNS dan sebagainya.

Sepanjang tahun 2015, 7 kes telah dikemukakan kepada MFA. Antara isu-isu yang dikemukakan adalah seperti isu sokongan francaisor kepada francais.

### KEBAJIKAN

Jawatankuasa telah menerima 7 permohonan sokongan berkenaan khidmat nasihat dan sokongan sepanjang tahun 2015 daripada ahli. Antara isu-isu yang diterima seperti sokongan untuk mendapatkan kad perjalanan perniagaan dan isu sensitiviti makanan, permohonan sijil halal dan GST.

# PROGRAM PERSIDANGAN & PAMERAN FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2015 (FIM2015)

## AHLI JAWATANKUASA INDUK FIM2015

Pengerusi Bersama	: En. Zainal Azman Abu Seman (Pengarah BPF, KPDKK)
	: En. Izham Hakimi Hamdi (Naza Tutti Frutti (M) Sdn Bhd)
Ahli	: YBhg Datuk Mohd Latip Sarrugi (Mohd Latip & Associates)
	: En. Khairuddin Yahya (Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd)
	: En. Mohamad Shukri Salleh (Franchise Channel (M) Sdn Bhd)
	: En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)
	: En. Mustafa Mat Arof (Sekretariat MFA)
	: En. Mohd Faizal Abd Latip (Sekretariat MFA)
	: Cik Nurul Asyih Husin (Sekretariat MFA)
	: En. Farhan Abdul Wahab (Sekretariat MFA)


## OBJEKTIF PENGANJURAN

Program ini adalah bertujuan untuk menyokong usaha kerajaan untuk mempromosi dan meningkatkan lagi industri francais negara, melahirkan lebih ramai usahawan francais di Malaysia, memberi peluang kepada penggiat francais untuk mempromosikan lagi perniagaan francais di Malaysia & Antarabangsa serta memberikan pengetahuan dan pendidikan.

## MAKLUMAT PROGRAM

Program	Pameran dan Persidangan Antarabangsa Malaysia 2015
Tarikh	12 Jun – 14 Jun 2015 (Jumaat – Ahad)
Masa	10.00 pagi – 6.00 petang
Tempat	PWTC, Kuala Lumpur Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur
Tetamu Kehormat	Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak <i>Perdana Menteri Malaysia</i>

## PENCAPAIAN PROGRAM



## PAMERAN

### Ruang Pameran



Pada tahun 2015, sebanyak 123 ruang pameran pada program FIM2015 di mana sebanyak 90 ruang pameran berbanding 85 ruang pameran pada tahun 2014 disertai oleh pemamer tempatan. Manakala ruang pameran oleh jumlah antarabangsa kekal sebanyak 33 ruang pameran pada tahun 2014 dan 2015. Pecahan penyertaan adalah seperti Jadual di bawah:

KATEGORI	RUANG PAMERAN	
	TEMPATAN	ANTARABANGSA
Francaisor	44	13
Francaisor Baru	13	1
Francaisi Induk	-	9
Bakal Francaisor	15	-
Institusi Sokongan	16	9
Media	2	1
<b>JUMLAH</b>	<b>90</b>	<b>33</b>

# PROGRAM PERSIDANGAN & PAMERAN FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2015 (FIM2015)

## Pengunjung


Penganjuran FIM2015 telah berjaya menarik minat seramai 10,934 pengunjung berbanding 10,393 pada FIM2014. FIM2015 telah menarik minat pengunjung tempatan dari serata Malaysia dan pengunjung dari 15 buah negara luar iaitu Australia, Indonesia, Jepun, Singapore, Taiwan, United States of America, Botswana, Iraq, Iran, South Africa, Uzbekistan, Philippine, dan United Kingdom. Statistik bagi minat pengunjung, jangkaan pengunjung dan pelaburan adalah seperti berikut:



### Jangkaan Kunjungan Pengunjung

- Kurang daripada RM50,000
- RM50,000 - RM150,000
- RM150,000 - RM250,000
- RM250,000 - RM450,000
- RM450,000 - RM800,000
- Melebihi RM800,001

### Bidang Perniagaan yang diminati oleh Pengunjung



# PROGRAM PERSIDANGAN & PAMERAN FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2015 (FIM2015)

## DEMO MASAKAN BERSAMA CHEF BRIAN

Program ini telah dianjurkan pada 13 dan 14 Jun 2015 dengan kerjasama Young Chef's Academy di mana telah disertai oleh 50 orang peserta kanak-kanak yang berkunjung. Para peserta dikehendaki menyediakan menu Snowman Sheperd's Pie.

## PERSIDANGAN ANTARABANGSA FIM2015

Program ini telah diadakan pada 13 Jun 2015, bertempat di Dewan Tun Hussein Onn dan telah berjaya mendapatkan sebanyak 225 penyertaan. Seramai 8 orang pembentang kertas kerja telah terlibat dalam persidangan kali ini. Para peserta yang mengikuti program ini telah diberikan pendedahan mengenai perkembangan industri francais khususnya di peringkat global. Berikut adalah senarai penceramah bagi program Persidangan Antarabangsa FIM2015 :

BIL	NAMA PENCERAMAH	ORGANISASI
1.	YBhg. Dr. Kamariah Binti Noruddin	<i>Economic Planning Unit (EPU, Jabatan Perdana Menteri)</i>
2.	En. Jeffrey Bahar	<i>Spire Research &amp; Consulting Indonesia</i>
3.	Pn. Phi Nguyen	Gloria Jean's Coffees International Retail Food Group, Australia
4.	YBhg. Dato' Joshua Liew	Marrybrown Sdn Bhd
5.	YBhg. Dato' Sri Dr. Richard Ong Thiam Boon	Smart Reader Worldwide Sdn Bhd
6.	En Syed Muzaffar Mohammad Ali	Poney Holdings Sdn Bhd
7.	En. Izhah Hakimi Hamdi	Naza Tutti Frutti Sdn Bhd
8.	YBhg. Datuk Dr. Sundaran Annamalai	Kementerian Kewangan (MOF)

## SESI PEMADANAN PERNIAGAAN

Program ini telah diadakan pada 12 Jun 2015 dan dihadiri oleh 20 orang peserta yang terdiri daripada Indonesia dan Korea dan Malaysia. Taklimat mengenai peluang perniagaan francais di Malaysia telah diberikan oleh wakil MFA, KPDNKK dan PNS.

## PERTANDINGAN BARISTA

Program ini telah dianjurkan pada 13 Jun 2015 dengan kerjasama Gloria Jean's Coffee dengan disertai oleh 6 orang peserta. Penyampaian hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Pengerusi MFA, YBhg Datuk Mohd Latip Sarrugi.

## BENGKEL PELUANG FRANCAIS

Program ini telah dianjurkan selama 2 hari iaitu pada 13-14 Jun 2015. Syarikat yang telah mengambil bahagian dalam program ini adalah seperti berikut :-

BIL	SYARIKAT& JENAMA	NEGARA
1.	Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd (Avon)	US
2.	Bank Rakyat (Bank Rakyat)	Malaysia
3.	Coolblog Dessert Sdn Bhd (Coolblog)	Malaysia
4.	H.O.L Chain Store (Malaysia) Sdn Bhd (House of Leather)	Malaysia
5.	Marrybrown Sdn Bhd (Marrybrown)	Malaysia
6.	Mirage Resources Sdn Bhd (Zawara)	Malaysia
7.	Myhomme Group Resources (Aqua Nano)	Malaysia
8.	Naza Tutti Frutti (M) Sdn Bhd (Tutti Frutti)	US
9.	Perbadanan Nasional Berhad (PNS)	Malaysia
10.	Qubah Emas Resources Sdn Bhd (Adan Laundry)	Malaysia
11.	Rakyat Management Services Sdn Bhd (Ar-Rahnu X- Change)	Malaysia
12.	Wonderful Lifestyle Sdn Bhd (Gloria Jean's Coffee)	Australia

## SUMBANGAN PENAJAAN

Program FIM2015 telah mendapat sumbangan penajaan daripada penaja-penaja berikut:



# PROGRAM MALAM ANGERAH FRANCAIS (MAF2015)

## AHLI JAWATANKUASA INDUK MAF2015

Pengerusi	: YBhg. Dato' ZahriahAbdKadir (Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd)
Majlis Makan Malam	
Pengerusi Anugerah	: YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Hizam Hanafiah (Universiti Kebangsaan Malaysia)
Ahli-Ahli	: YBhg. Dato' Dr. Manjit Singh Sachdev (Manjit Singh, Mohamad Radzi & Partners)
	: Pn. Al – Kamaruzita Mohd Amin (Harta Maintenance Sdn Bhd)
	: En. Fauzi Awang (Wonderful Lifestyle Sdn Bhd)
	: En. Khairuddin Yahya (AVON Cosmetics (M) Sdn Bhd)
	: En. Mohamad Shukri Salleh (Franchise Channel (M) Sdn Bhd)
	: En. Neoh Eng Kee (Manjit Singh, Mohamad Radzi & Partners)
	: En. Rozaiman Che Kar (Ria-Two Sdn Bhd)
	: Pn. Vimal Isha Kaur (Manjit Singh, Mohamad Radzi & Partners)

## OBJEKTIF PENGANJURAN

Program ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada penggiat francais yang menunjukkan prestasi cemerlang di dalam sektor francais bagi tahun 2015. Selain itu, program ini juga akan dapat mengeratkan perhubungan di kalangan ahli di samping mengumpul dana untuk MFA.

## MAKLUMAT PROGRAM

<b>Program</b>	<b>Malam Anugerah Francais 2015 (MAF2015)</b>
<b>Tarikh</b>	<b>17 November 2015, Selasa</b>
Masa	6.00 petang – 11.00 malam
Tempat	Grand Lagoon Ballroom, Sunway Resort Hotel & Spa, Petaling Jaya
Tema	Emerald Green
Tetamu Kehormat	YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin <i>Menteri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi &amp; Kepenggunaan (KPDNKK)</i>

## MAJLIS MAKAN MALAM

### 1. Acara Koktel

Majlis beramah mesra bersama tetamu sebelum masuk ke dewan ini diserikan dengan persembahan muzik dan lagu daripada Busker sambil dihidangkan dengan jamuan koktel. Jamuan koktel ini dimeriahkan dengan penajaan hidangan koktel daripada beberapa syarikat francais iaitu Berjaya Roasters SdnBhd, MarrybrownSdnBhd, NazaTuttiFrutti (M) SdnBhd dan Resepi Arena Sdn Bhd.

### 2. Temuramah Karpas Merah (Red Carpet)

Acara ini bertujuan untuk menemuramah calon-calon akhir bagi Anugerah Francais Malaysia

2015 dan sesi bergambar bersama tetamu yang hadir. Selain calon-calon akhir, panel-panel pemilih dan beberapa orang tetamu turut ditemuramah sepanjang majlis berlangsung.

### 3. Persembahan Hiburan

Para tetamu telah dihiburkan dengan persembahan nyanyian daripada Datuk Yusni Hamid dan Fuad (Kilauan Emas).

### 4. Cabutan Bertuah

Acara cabutan bertuah ini adalah program selingan bagi Malam Anugerah Francais 2015. Hadiah cabutan bertuah ini telah disampaikan dikalangan tetamu Kehormat.

## ANUGERAH FRANCAIS MALAYSIA 2015

### 1. Jawatankuasa Pemilih

Jawatankuasa Pemilih berperanan untuk menilai keseluruhan sistem dan kriteria penilaian, perjalanan proses penilaian serta skema permarkahan secara keseluruhannya. Jawatankuasa pemilih terdiri daripada wakil agensi atau badan profesional dan butiran lanjut jawatankuasa adalah seperti berikut:

BIL	ORGANISASI	WAKIL
1.	KPDNKK	En. Afkhar Razi Bin. Mohamed @ Ariffin
2.	PNS	Tn. Haji Mustafa Bin. Lebai Awang
4.	PUNB	Pn. Azzura Mohd Shuhaimi
5.	SSM	En. Farid Bin. Ahmad
6.	MPC	YBrs. Dr. Rahmat Md. Smail
8.	SKM	YBhg. Datin Hajah Zuraidah Binti Hasni
9.	Maybank	En. Tan Yen Jen

# PROGRAM MALAM ANGERAH FRANCAIS (MAF2015)

## 2. Pemenang Anugerah Francais Malaysia 2015

Berikut adalah merupakan senarai para pemenang bagi semua kategori yang dipertandingkan untuk Anugerah Francais Malaysia 2015 :

Kategori Sistem Francais	
Francaisor Terbaik	Revenue Valley Sdn Bhd (The Manhattan Fish Market)
Francaisi Induk Terbaik	CH Global Resources Sdn. Bhd (Cherie Hearts)
Francaisor Harapan Terbaik	Resepi Arena Sdn Bhd (Dapur Penyet)
Francaisor Antarabangsa Terbaik	Poney Garments Sdn.Bhd (Poney)
Francais Mikro Terbaik	Global Art & Creative Sdn Bhd (Globalart)
Kategori Francaisi	
Francaisi Malaysia Terbaik	Smart Think Sdn.Bhd (Smart Reader Kids)
Francaisi Harapan Malaysia Terbaik	Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (Ar-Rahn)
Francaisi Antarabangsa Terbaik	Senang Sensasi Sdn Bhd (McDonald's)
Francaisi Harapan Antarabangsa Terbaik	Gerbang Emas Mfoods Sdn Bhd (McDonald's)
Kategori Terbuka	
Majikan Francais Terbaik	Senheng Electric (KL) Sdn Bhd (Senheng)
Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik	Berjaya Roasters (M) Sdn Bhd (Kenny Rogers Roasters)
Inovasi Francais Terbaik	Smart Reader Worldwide Sdn Bhd (Smart Reader Kids)
Kategori Penghargaan Khas	
Penghargaan Khas Organisasi	Korea Franchise Association (KFA)
Penghargaan Khas Media – Individu	Zuraidah Mohamed (Berita Harian)
Penghargaan Khas Media – Organisasi	Utusan Malaysia
Franchise Business Challenge 2015	
Johan	Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS)
Naib Johan	Universiti Utara Malaysia (UUM)
Tempat ke-3	Universiti Malaya (UM)

### INSENTIF PEMENANG

Para pemenang Anugerah akan memperolehi insentif seperti senarai di bawah sebagai penghargaan di atas kemenangan mereka. Insentif ini juga diharapkan dapat menarik lebih banyak penyertaan pada Anugerah akan datang.

- Trofi Anugerah
- Sijil Anugerah Francais Malaysia
- Ruang Pameran Percuma di FIM2016
- Pakej liputan media
- Laporan Penilaian Anugerah Percuma kepada Calon-Calon
- Program Latihan Francaispercuma untuk semua pemenang

### PENAJAAN



Program Malam Anugerah Francais 2015 ini telah mendapat pelbagai sumbangan penajaan daripada beberapa organisasi dan syarikat di dalam industri francais. Senarai penaja utama MAF2015 adalah seperti berikut:



## RINGKASAN LAPORAN KEWANGAN 2015

Secara keseluruhannya, pendapatan dan perbelanjaan MFA dipengaruhi oleh pelaksanaan aktiviti yang sama ada dilaksanakan dengan pembiayaan sepenuhnya oleh MFA atau terdapat perolehan yang diterima daripada pihak Kementerian iaitu program yang dianjurkan secara kerjasama. Pendapatan dan perbelanjaan yang diperolehi daripada program yang dianjurkan secara kerjasama ini tidak dapat dijangkakan kerana tertakluk kepada keputusan pihak Kementerian. Oleh itu, jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan mempunyai perbezaan ketara. Pada tahun 2015, pendapatan mencatatkan pengurangan sebanyak 15% daripada 2014 dimana pengurangan sebanyak 12% pendapatan daripada program kerjasama (2014 sumbangan pendapatan daripada program kerjasama adalah 38% daripada jumlah pendapatan berbanding 34% pada tahun 2015). Seiring dengan pengurangan pendapatan daripada program kerjasama serta langkah-langkah penjimatan dan kos efektif yang dilaksanakan sepanjang 2015, jumlah perbelanjaan juga merosot sebanyak 15%.

### KEDUDUKAN KEWANGAN 3 TAHUN (2013 – 2015)



# RINGKASAN LAPORAN KEWANGAN 2015

## PENDAPATAN

Pendapatan MFA keseluruhannya terdiri daripada yuran keahlian, kursus dan seminar francais, acara, program kerjasama dan lain-lain. Pendapatan keseluruhan MFA pada 2015 menunjukkan kemerosotan sebanyak RM600 ribu kepada RM3.450 juta berbanding RM4.050 juta pada tahun kewangan yang lepas. Pengurangan pendapatan ini banyak dipengaruhi oleh pendapatan daripada program kerjasama yang dilaksanakan. Pendapatan 2015 tanpa program kerjasama ini adalah sebanyak RM2.278 juta berbanding RM2.173 juta pada 2014 dimana mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 5% atau RM105 ribu. Analisis prestasi kewangan adalah seperti jadual dibawah.

KATEGORI	PENDAPATAN (RM'000)		VARIAN	
	2015	2014	RM	%
Keahlian	397	432	(35)	(8)
Kursus dan Seminar	26	42	(16)	(38)
Pengurusan Acara	1,699	1,605	94	6
Pelbagai Pendapatan	156	94	62	66
<b>JUMLAH</b>	<b>2,278</b>	<b>2,173</b>	<b>(105)</b>	<b>5</b>
Program Kerjasama	1,172	1,877	(705)	(38)
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>3,450</b>	<b>4,050</b>	<b>(600)</b>	<b>(15)</b>

### Keahlian

Pada 2015, sebanyak 302 ahli yang telah dikemukakan inbois berbanding 337 ahli pada 2014. Jumlah ini termasuk 31 ahli baru pada 2015 dan 47 ahli baru pada 2014. Bagi menunjukkan laporan yang lebih realistik, MFA telah menggariskan polisi untuk mengemukakan inbois hanya kepada ahli yang mempunyai hutang tidak melebihi 3 tahun. Ahli baru akan dikenakan yuran pada kadar pro rata namun mereka perlu mengemukakan bayaran penuh keahlian tahun pertama bersama dengan yuran proses. Yuran keahlian mencatatkan penurunan sebanyak 8% atau RM35 ribu pada tahun semasa. Yuran keahlian menyumbang sebanyak 12% kepada jumlah pendapatan MFA bagi tahun kewangan semasa, lebih tinggi daripada 11% pada 2014.

### Kursus & Seminar

Pendapatan keseluruhan bagi Yuran kursus dan seminar menunjukkan penurunan sebanyak 33 peratus atau RM34 ribu kepada RM69 ribu (RM26 ribu program latihan anjuran MFA dan RM43 ribu adalah daripada program kerjasama) daripada RM103 ribu (RM43 ribu program latihan anjuran

MFA dan RM60 ribu adalah daripada program kerjasama) pada 2014. Ini disebabkan terdapat perbezaan pelaksanaan jenis program latihan serta jumlah penyertaan bagi setiap program). Pada tahun kewangan 2015, sejumlah 11 program latihan dilaksanakan berbanding 10 program latihan pada tahun kewangan yang lepas. Jumlah kerjasama program latihan ini juga memberi kesan kepada yuran program latihan kerana yuran program latihan yang dikenakan kepada peserta adalah percuma atau minima sebagai yuran komitmen peserta sahaja. Yuran kursus dan seminar menyumbang sebanyak 1% kepada jumlah pendapatan MFA bagi tahun 2015 dan 2014.

### Pengurusan Acara

Pada tahun 2015, MFA telah melaksanakan 2 acara iaitu Program Franchise International Malaysia 2015 (FM2015) dan Malam Anugerah Francais 2015 (MAF2015) berbanding pada tahun 2014, MFA telah melaksanakan 3 acara iaitu Program Franchise International Malaysia 2014 (FM2014), Malam Anugerah Francais 2014 (MAF2014) dan Franchise Golf Challenge 2014 (FGC2014). Secara keseluruhannya, pendapatan




## RINGKASAN LAPORAN KEWANGAN 2015

menunjukkan peningkatan sebanyak 6% berbanding tahun 2014 dipengaruhi oleh peningkatan peruntukkan sebanyak 34% manakalan penajaan dan yuran penyertaan berkurangan sebanyak 17%. Faktor pengurangan adalah perbezaan jumlah pelaksanaan program dan jumlah pakej penyertaan yang pelbagai.

### Pelbagai Pendapatan

Pelbagai pendapatan MFA terdiri daripada Geran Pembangunan Pemasaran bagi program Misi Perdagangan, yuran penyelenggaraan laman sesawang APFC, jualan penerbitan – iklan dan buku, sumbangan bagi program CSR serta penerimaan dividen dari akaun semasa dan pelaburan simpanan tetap. Pelbagai Pendapatan telah menjana perolehan sebanyak RM156 ribu pada 2015 berbanding RM94 ribu pada 2014, iaitu meningkat sebanyak 66% berbanding tahun 2014. Pecahan Pelbagai Pendapatan adalah seperti berikut:



### Program Kerjasama

Program Kerjasama adalah program yang dianjurkan secara kerjasama dengan pihak Kementerian / agensi di mana penglibatan MFA sebagai koordinator program sahaja. Pada tahun 2015, yuran bagi program kerjasama terdiri daripada 4 program Misi Perdagangan ke luar negara, Program Francais Siswa dan Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport (EFDP). Pada 2014, program kerjasama yang telah dilaksanakan adalah 7 program Misi Perdagangan ke luar negara, Program Francais Siswa, Program Pekan Francais dan Program Mobil Francais. Pendapatan bagi program ini adalah berbeza-beza mengikut jenis program dan lokasi. Pendapatan daripada program kerjasama ini

menyumbang sebanyak 34% kepada pendapatan tahun semasa MFA berbanding 46% tahun kewangan lepas dengan mencatatkan pengurangan sebanyak 12%.

### PERBELANJAAN

Seiring dengan pengurangan jumlah pendapatan, jumlah perbelanjaan juga mengalami kemerosotan sebanyak 15% daripada RM4.017 juta kepada RM3.432 juta pada 2015. Pengurangan ketara adalah daripada pelaksanaan program kerjasama. Butiran lanjut serta analisis kewangan seperti berikut:

## RINGKASAN LAPORAN KEWANGAN 2015

KATEGORI	PERBELANJAAN (RM'000)		VARIAN	
	2015	2014	RM	%
Keahlian	196	170	26	15
Kursus dan Seminar	31	27	5	19
Pengurusan Acara	1244	1,317	(73)	(6)
Pelbagai Perbelanjaan	152	104	48	46
Pentadbiran	1,002	1,028	(26)	(2)
<b>JUMLAH</b>	<b>2,626</b>	<b>2,646</b>	<b>(20)</b>	<b>(1)</b>
Program Kerjasama	806	1,371	(565)	(41)
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>3,432</b>	<b>4,017</b>	<b>(585)</b>	<b>(15)</b>

### Keahlian

Perbelanjaan keahlian menunjukkan peningkatan sebanyak 15% kepada RM196 ribu berbanding dengan RM170 ribu pada tahun kewangan yang lepas disebabkan peningkatan peruntukan hutang lapuk tahun semasa.

### Kursus & Seminar

Perbelanjaan pelaksanaan kursus dan seminar pada 2015 telah meningkat sebanyak 19% kepada RM31 ribu daripada RM27 ribu pada 2014 disebabkan terdapat perbezaan dalam bilangan penyertaan dan jenis latihan yang dijalankan. Pada tahun 2015, 3 program KAPF dan 8 program Seminar Francais telah diadakan berbanding pada 2014, 5 program KAPF, 1 program Seminar Akta Francais, 1 program MyFex dan 3 program PciTD telah dilaksanakan. Selain itu, 1 program latihan khusus untuk sekretariat telah diadakan pada September 2015 bagi meningkatkan prestasi kerja untuk memastikan aktiviti yang dilaksanakan dan faedah keahlian dapat disampaikan secara berkesan kepada ahli MFA.

### Pengurusan Acara

Perbelanjaan bagi pengurusan acara juga menunjukkan pengurangan sebanyak 6% kepada RM1.244 juta daripada RM1.317 juta. Pengurangan ini adalah disebabkan oleh perbezaan jumlah pelaksanaan program dimana 3 acara diadakan pada tahun 2014 berbanding hanya 2 acara diadakan pada tahun 2015. Selain itu, MFA juga melaksanakan penjimatan kos bagi pelaksanaan program.

### Pelbagai Perbelanjaan

Perbagai perbelanjaan mencatatkan peningkatan tahun semasa sebanyak 46% kepada RM152 ribu daripada RM104 ribu pada 2014. Perbelanjaan pada 2015 merangkumi perbelanjaan menghadiri Mesyuarat APFC & WFC di Las Vegas dan Australia, kos editorial, kos barang promosi dan kos penyertaan jerayawara dan ceramah. Manakala perbelanjaan pada 2014 merangkumi perbelanjaan menghadiri Mesyuarat APFC & WFC di Brazil dan Taiwan, kos penerbitan 1 edisi Franchise Mind, kos bagi program Media Fair, kos editorial, kos barang promosi dan kos penyertaan jerayawara dan ceramah. Selain itu, sumbangan kepada program komuniti melalui 3 aktiviti khidmat masyarakat telah dilaksanakan dengan mendapat kerjasama ahli-ahli MFA untuk mewujudkan kesan positif dan memberi manfaat kepada masyarakat dan perniagaan.

### Pentadbiran

Belanja bagi pentadbiran merangkumi perbelanjaan bagi hal ehwal Jawatankuasa Utama, pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan, Sumber Manusia serta belanja operasi. Belanja pentadbiran berkurangan sebanyak 2% kepada RM1.002 juta berbanding RM1.028 juta pada tahun 2014. Belanja bagi hal ehwal Jawatankuasa Utama terdiri daripada belanja pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa, cenderahati dan tuntutan belanja perjalanan menghadiri aktiviti. Belanja pelaksanaan Mesyuarat Agung mencatatkan peningkatan sebanyak 35% pada 2015 berbanding pada 2014 disebabkan perbezaan jumlah kehadiran.

# RINGKASAN LAPORAN KEWANGAN 2015

---

Kos sumber manusia berkurangan sebanyak 5% kepada RM780 ribu berbanding RM818 ribu pada tahun 2014, disebabkan pengurangan bilangan kakitangan MFA. Selain itu, manfaat kepada sekretariat juga berkurangan selari dengan pengurangan jumlah kakitangan dari segi jumlah pemberian insentif untuk meningkatkan prestasi kerja, perlindungan insuran dan kesihatan serta sumbangan ke atas KWSP dan SOCSO. Belanja operasi pada 2015 meningkat sebanyak 1% kepada RM159 berbanding RM157 ribu pada tahun kewangan lepas bagi belanja am, caj bank, cetakan dan alatulis, kompaun & denda, pembersihan pejabat, penyelenggaraan dan baikpulih serta belanja suratkhbar dan majalah, belanja perjalanan dan penginapan, belanja pos dan kurier, belanja utiliti – elektrik dan telefon, faksimili dan internet, belanja sewa pejabat, serta belanja susutnilai.

## Program Kerjasama

Perbelanjaan program kerjasama pada 2015berkurangan sebanyak 41% kepada RM0.806 juta daripada RM1.330 juta adalah dipengaruhi oleh pelaksanaan program yang dianjurkan. Perbezaan jumlah perbelanjaan pada tahun 2015 dan 2014 kesan daripada pelaksanaan jenis program dan lokasi yang berbeza.

## JUMLAH ASET

Jumlah aset mencatatkan peningkatan sebanyak 86% kepada RM3,585 juta daripada RM1.926 juta pada akhir tahun kewangan sebelumnya disebabkan oleh penerimaan tunai untuk program EFDP, pengurangan bagi jumlah yuran ahli belum terima, yuran kursus dan seminar belum terima dan penghutang walaupun terdapat peningkatan kepada yuran belum terima bagi acara dan pelbagai deposit & prabayar.

## Yuran Keahlian Belum Terima

Yuran keahlian belum terima pada tahun kewangan semasa adalah sebanyak RM194 ribu berbanding RM297 ribu pada tahun 2014, mencatatkan pengurangan sebanyak 35%. Yuran belum terima ini adalah jumlah yuran keahlian

belum terima bersih setelah ditolak dengan peruntukkan hutang lapuk yang dilaksanakan bagi menggambarkan keadaan sebenar kedudukan kewangan MFA. Polisi ini telah disemak setiap tahun dan dilaksanakan mengikut kemampuan kewangan MFA untuk menyerap belanja peruntukkan hutang lapuk ini. Pada 2015, polisi perlaksanaannya adalah kekal seperti tahun sebelumnya dimana peruntukkan khusus bagi hutang tertunggak melebihi 2 tahun manakala peruntukkan umum adalah 5% ke atas hutang tertunggak kurang 3 tahun.

## Yuran Acara Belum Terima

Yuran acara belum terima meningkat sebanyak 13% kepada RM215 ribu daripada RM191 ribu pada tahun 2014. Sebanyak RM 84 ribu adalah hutang tertunggak tahun semasa manakala bakinya adalah hutang tertunggak bagi tahun sebelumnya.

## Yuran Pelbagai Belum Terima

Yuran pelbagai belum terima meningkat sebanyak 128% kepada RM115 ribu daripada RM50 ribu pada akhir tahun 2014. Sebanyak RM87 ribu adalah tunggakan hutang tahun semasa dan selebihnya adalah tahun sebelumnya.

## Tunai & Persaman Tunai

Tunai & Persamaan tunai meningkat sebanyak 136% kepada RM2,789 juta berbanding RM1.181 juta pada 2014 terdiri daripada simpanan tetap sebanyak RM700 ribu, tunai dibank dan ditangan sebanyak RM385 ribu dan selebihnya adalah peruntukkan dana program EFDP.

## JUMLAH LIABILITI

Jumlah liabiliti meningkat melebihi 100% kepada RM1.954 juta pada akhir tahun kewangan 2015 disebabkan oleh peningkatan jumlah hasil terdahulu dan pengurangan jumlah pemiutang.

## Hasil Terdahulu

Hasil terdahulu merangkumi penyaluran wang peruntukkan daripada pihak kementerian bagi melaksanakan aktiviti secara kerjasama dengan pihak Kementerian untuk melaksanakan aktiviti promosi francais. Sebahagian besar peruntukkan adalah bagi program EFDP.

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

---

(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

Laporan ke atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA yang terdiri daripada lembaran imbangan, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata penerimaan dan pembayaran bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2015 dan ringkasan asas-asas penyediaan perakaunan serta nota-nota yang dibentangkan.

Tanggungjawab Jawatankuasa Utama kepada Penyata Kewangan

Ahli-ahli Jawatankuasa Utama adalah bertanggungjawab untuk menyediakan penyata kewangan yang saksama menurut peruntukkan Akta Pertubuhan 1966, Peraturan-Peraturan yang diperbuat di bawahnya serta piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan dan digunapakai di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk membentuk, melaksana dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang saksama dan bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada kerana pemalsuan atau kesilapan, memilih mengguna pakai polisi kewangan yang berpatutan dan membuat jangkaan perakaunan yang munasabah pada penyata kewangan.

Tanggungjawab Juruaudit

